

Samudera

EDISI 1/2024

Majalah Rasmi Tentera Laut Diraja Malaysia

SETAHUN PEMERINTAHAN

PANGLIMA TENTERA LAUT KE-18



ISSN 0127-6700



SETTINGGI-TINGGI PENGHARGAAN

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

**ATAS SEGALA PENGORBANAN
MELINDUNGI & MEMPERTAHANKAN
PERAIRAN MALAYSIA,
NEGARA BERTUAH INI**

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS
SERTA IRINGAN DOA

WITH BEST COMPLIMENTS

**YOUR RELIABLE
STRATEGIC ALLIANCE**

"SENTIASA BERSAMA KETIKA TENANG & SEMASA DIUJI"



BUDI AXIS SDN BHD (836389-H)

SUITE B1-16&B1-17, MEGAN AMBASSY, 225 JALAN AMPANG, 50450 KUALA LUMPUR
T 03-2171 2525, 03-2171 2727 F 03-2166 1717 E enquiry@budiaxis.com

KANDUNGAN

- 6 FOKUS**
Perutusan Tahun Baharu 2024 dan Setahun Pemerintahan Panglima Tentera Laut Ke-18
- 13 KEMAHIRAN**
Chinese Cuisine di Fakulti Bekalan dan Pengurusan, KD PELANDOK
- 14 SUKAN**
Kejuaraan Pertama MPA Timur di KMO 27
- 15 SANTAI**
- 16 KONFLIK**
Konflik di Teluk Mengancam Dagangan Antarabangsa
- 20 VETERAN**
i. Menelusuri Ikatan Hampir 50 Tahun
ii. Sumbangan Infaq Ramadan Kepada Veteran Asnaf
- 21 KERJAYA**
Syarat Kemasukan Skim Perkhidmatan Pegawai ATM
- 22 TRED**
Tim Explosive Ordnance Disposal (EOD) TLDM
- 23 TRADISI**
Crossing the Equator
- 26 EKSKLUSIF**
Penamaan dan Pentauliahkan Semula Dua Kapal Ronda Kelas Panah
- 28 SNAPSHOT**
- 30 THE NAVY PEOPLE**
- 32 FLYING COLOURS**
i. Pertandingan Sengit Atlet Kabaddi di Sukan Asia Ke-19
ii. KD KELANTAN Dan KD KEDAH Mengharumkan Nama TLDM di *Multilateral Naval Exercise Komodo* (MNEK)
- 34 ASET TLDM**
Skuadron Kapal Ronda Ke-13
56 Tahun Masih Teguh mempertahankan Perairan Negara
- 36 SEJARAH**
Labuan: Epitome Tentera Laut Sejak 1846
- 40 INFORMASI**
Royal Malaysian Navy Integrated Readiness And Information System (RMN IRIS)
- 42 TAHUKAH ANDA**
Perkembangan Teknologi UAV dan Penerapannya di Dalam TLDM
- 44 SIAGA**
i. Eksesais MILAN 2024 (MILAN 24)
ii. Eksesais Cobra Gold 2024 “Memperkukuh Kerjasama Ketenteraan”
iii. KD LAKSAMANA HANG NADIM Dan VPNS 20 Laksana Latihan Pertingkat Interoperabiliti TLDM-TLV
iv. KD SRI TIGA Dinilai Dalam Latihan Sandakan *Readiness Exercise* (SREX) Siri 24/23
- 47 BERITA**
i. Beret Kehormat Paskal Dianugerahkan Kepada PTL Ke-18
ii. 40 Tahun Tragedi Tenggelamnya KD SRI PERAK
iii. *Commissioning Ball* Pegawai Muda TLDM
iv. Istiadat Perbarisan Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XVI
v. Tahun Naga Bawa ‘Ong’, Lambang Kaya Dan Mulia
vi. Mengeratkan Hubungan Dua Hala TLDM-Pakistan
vii. Bintang Pelengkap Kecemerlangan TLDM
viii. Menteri Pertahanan Berbuka Puasa Bersama *The Navy People* di Pangkalan TLDM Johor Bahru
- 53 BAKAT**
Pengalaman Eksklusif Belayar Bersama KD GAGAH SAMUDERA
- 54 SRIKANDI**
Diiktiraf Sebagai Jurutera Profesional Wanita Pertama TLDM



Para pembaca yang dihormati, Majalah Samudera yang diterbitkan dalam tiga edisi setahun merupakan suatu inisiatif dalam memastikan warga *the Navy People* sentiasa peka dengan aliran berita perkhidmatan, tempatan dan global. Siri ini memfokuskan kepada Perutusan Tahun Baharu Panglima Tentera Laut 2024 dalam usaha ke arah sebuah angkatan laut yang kredibel dan berspektrum penuh.

Sorotan aktiviti-aktiviti utama yang merangkumi kecemerlangan TLDM sepanjang suku pertama tahun 2024 turut dipaparkan dalam edisi ini sebagai perkongsian kepada *the Navy People* dan warga awam.

Sidang Redaksi menzahirkan penghargaan kepada semua penyumbang artikel bagi edisi ini sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan majalah ini sentiasa relevan mengikut peredaran masa. Sokongan berterusan dari semua warga untuk terus menyumbangkan artikel sebegini adalah diharapkan.

#SEDIA BERKORBAN 

PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya Dato' Zulhelmy bin Ithnain

KETUA EDITOR

Kept Ananthan Tharmalingam TLDM

EDITORIAL

Kdr Zakirunizam bin Ismail TLDM

Lt Kdr Tan Sze Lin TLDM

Lt Amanina binti Mat Kamal TLDM

PW I KOM Mohamad Fauzi bin Zaina

BM PNK Norazyra binti Shukor

LK I PNK Muhammad Muizzuddin bin Md Rozi

REKA BENTUK

Perax Kreatif Enterprise

ALAMAT

Sidang Redaksi Majalah Samudera

PUSMAS TLDM

(RMN Sea Power Centre)

Jalan Sultan Yahya Petra

54100 KUALA LUMPUR

Tel: 03-4016 0138

E-mel: majalahsamuderatldm21@gmail.com



Majalah Samudera diterbitkan tiga kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Majalah Samudera mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasikan 'Wadah Informasi *the Navy People*'

TEMPAHAN MILITARY COIN CHALLENGE

TEMPAHAN KOTAK BALDU / FILE TANDATANGAN BALDU

TEMPAHAN PELBAGAI JENIS BENDERA-BENDERA ISTIADAT BERKUALITI TINGGI

TEMPAHAN TABLE FLAG / CAR FLAG BERKUALITI TINGGI

TEMPAHAN COFEE TABLE BOOK / MAJALAH / DIARI TAHUNAN / PAPER BAG

TEMPAHAN BAJU SUBLIMATION SERENDAH RM29.90 UNTUK THE NAVY PEOPLE

TEMPAHAN BAJU KOPORAT / BAJU FAMILY DAY / MEDAL & TALI LANYARD

TEMPAHAN PELBAGAI JENIS PERCETAKAN TABLE TAG / CHAIR TAG

TEMPAHAN PERCETAKAN FAIL / HARD COVER / SPOT UV / HOT STAMPING

TEMPAHAN CENDERAHATI / LASER WOOD / KEYCHAIN / FRIDGE MAGNET

SUPER SALE PK

PERAX KREATIF

E · N · T · E · R · P · R · I · S · E

UNLOCKING YOUR IDEAS INTO REALITY



2024

**KUALITI TERBAIK
DI PERAX KREATIF**

HUBUNGI KAMI SEKARANG

- 011 - 2059 0740 - SHAH
- 012 - 355 6944 - JAI
- 019 - 339 5610 - AZAM
- 010 - 968 6560 - LUQ

Level 7, Menara Arina Uniti
Jalan Raja Muda Abdul Aziz
50300
KUALA LUMPUR



Oleh Jabatan Penerbitan PUSMAS TLDM

Perutusan Tahun Baharu Panglima Tentera Laut bagi tahun 2024 telah dilaksanakan di Auditorium KEMENTAH pada 29 Januari 2024. Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob memulakan perutusan dengan mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2024 kepada seluruh warga *the Navy People*. Bertemakan setahun pemerintahan, perutusan tahun baharu ini digunakan sebagai platform untuk warga TLDM bersama-sama mengimbas kembali pencapaian serta pengalaman yang dipelajari sepanjang tahun 2023. Imbasan pencapaian yang dibuat adalah berdasarkan **Empat (4) Teras** yang digariskan iaitu:

4 TERAS

1



Teras Pertama:

Terus Memberi Keutamaan Kepada Kesiagaan Armada

2



Teras Kedua:

Meneruskan Pelan Transformasi TLDM 15to5 Yang Diubah Suai

3



Teras Ketiga:

Menguatkan Integrasi Dan Sokongan Kepada Aspek Kebersamaan Atau *Jointness*

4



Teras Keempat:

Mempergiatkan Proses Menyediakan Sumber Manusia Terbaik Untuk Memenuhi Keperluan Masa Hadapan

Panglima Tentera Laut (PTL) telah menekankan bahawa kesiagaan armada sentiasa diberikan keutamaan. Pelbagai program dan tindakan kolektif telah diambil oleh TLDM dalam memastikan kesiagaan Armada TLDM sentiasa berada di tahap yang tertinggi. Beliau turut memberikan pujian kepada setiap warga *the Navy People* telah berjaya melaksanakan kesemua operasi yang diamanahkan dengan memastikan kehadiran aset-aset TLDM di Kawasan Operasi Maritim (KOM) sebilang masa secara 24/7.

PTL turut memaklumkan bahawa terdapat peningkatan peruntukan melalui bajet 2024 yang disalurkan kepada TLDM berbanding tahun sebelumnya. TLDM juga turut menerima peruntukan tambahan di bawah Projek Khas Kementerian Kewangan (MoF). Peningkatan dalam peruntukan keseluruhan yang diterima melalui Aktiviti Pertahanan Maritim bagi tahun 2024 menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap keupayaan dan kesiagaan TLDM amnya, dan ATM khasnya dalam memastikan kedaulatan negara terpelihara. Beliau turut menzahirkan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia dan Kementerian Pertahanan di atas peningkatan peruntukan ini. Pada masa yang sama, TLDM akan berusaha untuk memastikan setiap perbelanjaan dilaksanakan dengan penuh berhemah bagi menentukan objektif perbelanjaan tercapai dengan cemerlang berdasarkan peraturan, prosedur dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa. Beliau optimis peruntukan yang diterima dapat meningkatkan prestasi TLDM secara keseluruhan dan mencapai *outcome* yang ditetapkan.

Di dalam ucapan beliau, PTL memaklumkan bahawa perolehan *Multi Role Support Ship* (MRSS) juga giat dilaksanakan. Ini bagi memenuhi keperluan operasi logistik TLDM dan bantuan *Humanitarian Assistance and Disaster Relief* (HADR) di dalam dan luar negara. Tambahan dari itu, TLDM juga kini dalam proses untuk mewujudkan Markas Wilayah Laut 4 (MAWILLA 4) bertempat di Samalaju, Bintulu, Sarawak. Pewujudan MAWILLA 4 ini adalah sangat penting bagi mempertahankan kedaulatan negara daripada dicerooboh dan bagi melindungi kepentingan sumber negara terutama di perairan Laut China Selatan.

Imbasan Pencapaian Tahun 2023 Terhadap Empat (4) Teras Utama Kepimpinan TLDM

Secara amnya, PTL telah merumuskan bahawa pencapaian TLDM pada tahun 2023 berada di tahap yang baik namun masih terdapat ruang penambahbaikan untuk menjadi lebih baik pada masa akan datang. Berikut dikongsikan perincian pencapaian setiap teras yang telah dibentangkan oleh beliau.

Teras Pertama

Terus Memberi Keutamaan Kepada Kesiagaan Armada

Bagi menangani cabaran untuk memenuhi sasaran pengoperasian armada, TLDM sedang aktif melaksanakan beberapa inisiatif dalam pengurusan senggaraan kapal antaranya **Repowering Programme**, **Obsolescence Programme** dan **Pentauliahn Semula Kapal Ronda**.

Repowering Programme

ia merupakan projek penggantian sepenuhnya sistem kuasa gerak kapal merangkumi jentera utama, kotak gear, janakuasa, *propeller* dan *shafting* berbanding melaksanakan *maintenance, repair and overhaul* (MRO) di mana kos pembaikan adalah jauh lebih tinggi daripada penggantian baharu. Melalui program ini, sebanyak 10 buah kapal telah berjaya menjalani proses penggantian.



Obsolescence Programme (OP)



Program selenggara menyeluruh ini dilaksanakan bagi mengatasi masalah keusangan aset menggunakan kaedah yang berbeza iaitu pembaikan keseluruhan *hull* (Re-Hull) serta peralatan di kapal diselenggara/dibaiki secara total ke atas peralatan yang usang. Melalui kaedah ini, ianya memberikan *Return of Investment* (ROI) yang tinggi kepada kerajaan, mengurangkan kos MRO di masa hadapan, melanjutkan jangka hayat, mengurangkan risiko *Variation Order* (VO) dan mengurangkan *down-time* agar pengoperasian kapal dapat dioptimumkan. Program ini telah selesai dilaksanakan ke atas KD PERKASA dan kini sedang diteruskan bagi KD GANYANG.



Pentauliahnan Semula Kapal Ronda

Bagi mengatasi kekangan aset sedia ada di armada, dua buah kapal *Patrol Craft* (PC) telah dipindah milik kembali dari Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kedua-dua kapal ini telah melalui proses *refit* secara *extensive* bermula tahun 2019 dan seterusnya ditauliahkan semula pada 19 Januari 2024 dengan nama KD SRI SABAH dan KD SRI SARAWAK.

“Tujuan utama pindah milik ini adalah bagi memenuhi keperluan operasi semasa sementara TLDM memperolehi aset-aset yang baharu dalam armadanya.”

- Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob

Teras Kedua

Meneruskan Pelan Transformasi TLDM 15to5 Yang Diubah Suai

TLDM kini berhadapan dengan cabaran keusangan aset dan keupayaan tempur armada yang semakin menurun jika dibandingkan dengan peralihan teknologi yang membangun dengan pesat. Bagi menangani permasalahan ini, TLDM sedang memacu usaha untuk meningkatkan keupayaan dan memperkasakan perolehan aset baharu iaitu 5 buah *Littoral Combat Ship* (LCS) dan 3 buah *Littoral Mission Ship Batch Kedua* (LMSB2). Perancangan perolehan ini sedang giat dilaksanakan berpandukan Pelan Transformasi TLDM 15to5 Yang Diubah Suai.

Pada masa yang sama, perolehan 13 buah *Fast Interceptor Craft* (FIC) sebagai *Force Multipliers* secara berperingkat adalah bagi memperkukuh dan memperkasakan lagi pertahanan negara. Ianya dilengkapi dengan *Remote Control Weapon Station* (RCWS) yang membolehkan penembakan senjata jenis *Heavy Machine Gun* (HMG) secara automatik. Perolehan FIC ini akan dilaksanakan dalam 3 fasa di mana 4 buah FIC pertama akan ditempatkan di Markas Pemerintahan Armada Timur.



Teras Ketiga

Mengukuhkan Integrasi dan Sokongan Kepada Aspek Kebersamaan atau *Jointness*

TLDM sentiasa memberi sokongan penuh dan bekerjasama erat dengan semua agensi keselamatan terutamanya Tentera Darat Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia. Operasi dan eksekusi bersama dengan Tentera Darat Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia sering kali diadakan bagi memperkasakan elemen kebersamaan dan menilai keberkesanan *interoperability*. Elemen kebersamaan ini sangat penting dalam menghasilkan sebuah Angkatan Tugas yang lebih versatil melalui gabungan aset tempur dan pembentukan organisasi yang lebih efisien. Sebagai contoh, Eksekusi ANGSA yang telah dilaksanakan pada awal bulan Ogos 2023 telah membuktikan kemampuan Angkatan Tentera Malaysia untuk melaksanakan operasi secara bersama dalam menghadapi ancaman yang mengganggu gugat kedaulatan negara tercinta ini.



Teras Keempat

Mempergiatkan Proses Menyediakan Sumber Manusia Terbaik Untuk Memenuhi Keperluan Masa Hadapan

Pemantapan Modal Insan

Sebanyak 38 Standard Kompetensi Tentera Laut (SKTL) telah berjaya ditambah baik oleh 14 Penyelia Tred dan Kepakaran (PTK). SKTL ini akan digunakan untuk membangunkan pakej latihan bagi memastikan tahap kompetensi warga *the Navy People* sentiasa berada di tahap yang tertinggi.



Program Recognition of Prior Experiential Learning

(RPEL) yang diperkenalkan kepada anggota Lain-lain Pangkat (LLP) sejak tahun 2017 telah mula dilaksanakan pada tahun 2020 melibatkan seramai 148 peserta dari pelbagai kepakaran. Melalui program khusus ini, seramai 1,966 peserta telah berjaya dianugerahkan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) yang diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia.

Pembaikan dan Naik Taraf Infrastruktur

Bagi meningkatkan kesejahteraan warga, TLDM telah diperuntukkan sebanyak RM 30 juta pada tahun 2023 bagi kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf infrastruktur dan kemudahan sedia ada. Antara kerja-kerja yang telah dilaksanakan:





Pangkalan TLDM Lumut

- Pembaikan Secara Menyeluruh Apartmen A33 dan A37
- Penggantian sebanyak 16 x Bumbung Apartmen Blok A6
- Mengecat Apartmen Blok A11 dan A25
- Naik Taraf Blok Cape Rachado dan Tanjung Po di Wisma Samudera
- Naik Taraf Blok Bakawali di Wisma Bintara
- Naik Taraf Sekolah Kebangsaan Pangkalan TLDM Lumut

Pangkalan TLDM Kota Kinabalu

- Senggaraan Perabot Lekap (Bulit-In) di RK TLDM
- Pembaikan Trek Lumba Lari di Stadium Mini
- Naik Taraf Dewan Terbuka Sekolah Kebangsaan Pangkalan TLDM Kota Kinabalu

Pangkalan TLDM Tanjung Pengelih

Naik Taraf Wisma Bayu

Lembah Klang

Pembaikan Secara Menyeluruh Menara Sri Pulau

Pangkalan TLDM Sandakan

Mengecat RK TLDM di Taman Samudera

Pangkalan TLDM Kuantan

Naik Taraf Wisma Tanjung dan Wisma Gelang

Pengiktirafan

Kenaikan pangkat merupakan manifestasi kepercayaan ATM amnya dan TLDM khasnya terhadap komitmen, kewibawaan, prestasi dan pengorbanan yang dicurahkan oleh warga *the Navy People*. Sepanjang tahun 2023, TLDM telah menganugerahkan pengiktirafan ini kepada 429 pegawai dan 4727 anggota LLP.




Lain-lain Kecemerlangan 2023

Selain daripada pencapaian berdasarkan teras yang telah dinyatakan tadi, PTL juga telah berkongsi beberapa kecemerlangan lain yang wajar dibanggakan oleh warga *the Navy People* sepanjang tahun 2023. Antaranya:



Keupayaan Operasi Persenjaan

Kejayaan penembakan 2 misil EXOCET MM40 Block II secara *salvo* oleh KD LEKIU pada 14 Disember 2023 tepat mengenai sasaran semasa Eksekais TAMING SARI Siri 22/23 yang dilaksanakan di utara Perairan Selat Melaka.



Pemetaan Perairan Negara

Pusat Hidrografi Nasional (PHN) telah melaksanakan pengukuran merangkumi:

- Kawasan seluas **19,469km²**
- Keluasan terkini perairan Malaysia yang telah diukur menggunakan sistem hidrografi resolusi tinggi seluas **220,571km²** daripada **569,845km²**



Pengiktirafan Antarabangsa

Pelantikan Laksamana Pertama Dr. Najhan bin Md Said sebagai Naib Pengerusi *Sub-Committee Undersea Features Name* (SCUFN) bagi penggal 2024 - 2028. Ia merupakan penghormatan tertinggi yang pernah diterima oleh TLDM di pentas antarabangsa khususnya dalam bidang hidrografi dan oseanografi.



Pencapaian Audit Kesiapsiagaan (AK)

Markas-markas dan unit-unit TLDM telah menunjukkan prestasi yang tinggi sepanjang tahun 2023. Ini dibuktikan melalui pencapaian keputusan Audit Kesiapsiagaan. Secara keseluruhannya, Penarafan 4 dan 5 Bintang bagi tahun 2023 adalah 97.2% berbanding 91.3% pada tahun sebelumnya.



Budaya Inovatif & Kreatif

TLDM telah menyertai pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di pelbagai peringkat seperti:

- Anugerah Inovasi Tentera Laut (AITL)
- Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan (AIKP)
- Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA)
- Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Sektor Awam (KISKA)

Projek inovasi *Compact Tactical Light* yang diketuai oleh Kdr Syed Muhammad Syafiq bin Syed Husin TLDM dan dianggotai oleh Lt Kdr Ts. Chan Jun Shen TLDM serta Lt Muhammad Hazim bin Anuar TLDM telah dinobatkan sebagai **Juara Anugerah Inovasi Terbuka** Peringkat Negeri Perak pada November 2023



Kecemerlangan Sukan

TLDM berjaya mengekalkan kejuaraan selama 14 tahun berturut-turut dalam Kejohanan Antara Perkhidmatan (ISG ATM) sejak tahun 2008.

12 atlet TLDM juga berjaya membawa pulang 10 pingat di peringkat antarabangsa melalui Temasya Sukan SEA dan Sukan Asia.

Aspirasi PTL

PTL juga telah menekankan bahawa **Tiga (3) Keutamaan** dan **Tiga (3) Amanat Tambahan** yang telah ditetapkan pada tahun 2023 akan diteruskan sebagai aspirasi beliau bagi tahun 2024. Ini adalah untuk memastikan organisasi ini dapat dikemudikan dengan lebih efektif, efisien dan mampan.



Di akhir perutusannya, PTL juga memberi peringatan kepada semua Panglima dan Pegawai Memerintah supaya mengambil langkah-langkah proaktif demi memastikan imej TLDM sentiasa terpelihara. PTL menyeru *the Navy People* untuk bersama-sama mengambil iktibar terhadap kejadian lepas dan tidak terlalu berbangga dengan pencapaian lalu sehingga leka dengan tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan. Perutusan ini juga telah ditayangkan secara langsung melalui siaran video.

Chinese Cuisine

di Fakulti Bekalan dan Pengurusan, KD PELANDOK

Oleh BM PNK Norazyra binti Shukor (PUSMAS TLDM)

Sekolah Pengajian Seni Kulinari dan Pengurusan Hospitaliti, Fakulti Bekalan & Pengurusan (FBP), KD PELANDOK adalah pemangkin penting dalam melahirkan anggota berkepakaran Bendari (BDI) yang kompeten dan serba boleh. Kepakaran BDI tidak terhad di daratan sahaja, malah di kapal-kapal dan aset TLDM yang lain. Di dalam TLDM, sajian merupakan faktor penting dalam meningkatkan moral seseorang anggota sewaktu belayar di samudera perbatasan negara.

Pimpinan tertinggi Cawangan Bekalan dan Urusetia (CB&U) TLDM berkehendakkan agar penganjuran kursus lebih meluas dan tidak terhad kepada masakan melayu dan barat semata-mata, malah ianya patut diperluaskan lagi dengan menentangakan *Chinese Cuisine*. Penekanan aspek pembaharuan adalah penting agar anggota di dalam kepakaran BDI sentiasa berkembang dan berkemahiran tinggi dalam bidang yang diceburi. Kursus ini telah dilaksanakan bermula 3 Jul 23 hingga 22 Okt 23 dengan kekuatan seramai 30 anggota dari kepakaran BDI.

Di penghujung tempoh kursus anggota dinilai sepenuhnya semasa ujian amali akhir dengan mengkoordinasikan jamuan berkonsepkan *Chinese Cuisine*. Peserta kursus juga diselia cara masakannya supaya menepati cara masakan cina oleh penyelia kursus. Bukan sekadar menyediakan sajian, anggota kursus juga menitikberatkan persembahan makanan yang dihidang. **S**



YBhg AKS MAT kagum dengan tahap pembuatan Kuih Bulan pelatih



Antara makanan yang dihasilkan berkonsepkan *Chinese Cuisine*

Kejuaraan Pertama MPA Timur di KMO 27

Oleh BM PNK Norazyra binti Shukor (PUSMAS TLDM)

Saat matahari mulai memancarkan sinarnya di sebalik Gunung Kinabalu, warga *the Navy People* dari Kontinjen Armada Barat, Timur, Bantuan dan Markas Pemerintahan Pendidikan & Latihan TLDM telah mula memenuhi Stadium Pangkalan TLDM Kota Kinabalu untuk bersama-sama merasai kemeriahan majlis pembukaan Kejohanan Mini Olimpik Ke-27. Majlis penuh makna ini telah disempurnakan oleh Panglima Armada Timur, Laksamana Madya Datuk Hj Muhammad Ruzelme bin Hj Ahmad Fahimy. Ia turut dimeriahkan dengan kehadiran ahli Jawatankuasa Laksamana, Pegawai Kanan, serta warga *the Navy People* dari seluruh pelosok negara.

Seterusnya, Panglima Armada Timur telah melaksanakan simbolik perasmian di mana ianya turut disertai dengan letupan yang penuh gilang-gemilang tanda kemeriahan kejohanan sudah bermula. Laungan semangat daripada setiap kontinjen turut kedengaran sebelum warga memulai acara senamrobik yang dipimpin barisan Jurulatih Jasmani TLDM. Upacara penyalan obor setamat acara *Fun Run* turut melambangkan kejohanan sukan TLDM selama 10 hari ini akan menyaksikan saingan sengit antara hampir 1,100 atlet berjuang bagi memastikan kontinjen yang diwakili berjaya meraih gelaran Juara KMO bagi tahun 2024.

Pelbagai persembahan kebudayaan yang sinonim dengan Negeri di Bawah Bayu telah menjadi sajian mata

buat pengunjung yang hadir, malahan ianya turut diserikan dengan persembahan halwa telinga oleh artis-artis jemputan dari negeri Sabah seperti Atmosfera Band dan Dabra Sia. Suasana turut gamat dengan sorakan warga yang hadir setelah perarakan masuk kontinjen terlaksana.

Sesungguhnya, kejohanan sukan seperti ini telah berjaya melahirkan generasi warga *the Navy People* yang aktif dan sihat. Ianya juga menjadi pemangkin kepada generasi pelapis yang akan berjuang atas nama perkhidmatan di pentas kejohanan yang lebih berprestij seperti Sukan Antara Perkhidmatan (ISG), Sukan Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAM) malahan di peringkat Malaysia dan Antarabangsa. Sehingga bertemu lagi di lain masa, Majulah Sukan untuk TLDM!

Kejohanan ini mungkin telah berakhir, namun kami pasti memori yang ditinggalkan pasti memahat 1001 kenangan buat semua atlet, jawatankuasa penganjur serta warga *the Navy People* tidak kira yang terlibat secara langsung ataupun tidak dan pastinya kejohanan sukan yang berlangsung ini akan hilang kemeriahannya tanpa sokongan padu yang diberikan oleh anda semua, warga *the Navy People*!

Jumpa lagi di KMO Ke-28 pada tahun 2026 nanti! 📅





NAVAL TERM

By PW I KOM Mohamad Fauzi bin Zaina
(PUSMAS TLDM)

Bollard

Metal or stone "stumps" around which ropes are belayed



Wardroom

The Naval Officers mess in a ship or Naval Establishment



Head

Naval name for latrines



Sick Bay

The ships hospital



Konflik di Teluk Mengancam Dagangan Antarabangsa

Oleh Nazery Khalid

Penyumbang tegar Samudera, Nazery Khalid berkongsi pengamatan beliau mengenai kesan konflik Iran-Israel terhadap dagangan maritim di Rantau Teluk

Konflik di Teluk

Bahang pertembungan sedang membara di antara Iran dan Israel ekoran serangan ganas rejim Zionis Israel ke atas Gaza semenjak Oktober 2023. Rejim Zionis ini ghairah melakukan pembunuhan tanpa belas kasihan (genocide) di bumi Palestin dan tidak mengendahkan tentangan masyarakat antarabangsa.

Seperti yang dijangkakan ramai penganalisa politik dan ketenteraan, Iran yang merupakan antara kuasa besar di Asia Barat telah terjebak di dalam kancah konflik antara pejuang Hamas dan Israel yang disokong sepenuhnya oleh Amerika Syarikat. Tel Aviv menuduh Teheran menyokong serangan Hamas ke atas Israel pada 7 Oktober 2023 yang menjadi pencetus ketegangan antara kedua-dua negara ini.

Dunia dikejutkan dengan reaksi Iran melancarkan peluru berpandu dan menggunakan dron untuk menyerang Israel di kala umat Islam merayakan Aidilfitri baru-baru ini. Pasukan gerak khas Iran juga merampas *MSC Aries*, sebuah kapal milik Israel yang sedang belayar di Selat Hormuz, satu laluan dagangan antarabangsa yang kritikal dan tinggi nilai strategiknya kepada ekonomi dunia.

Ini merupakan tindak balas Iran terhadap serangan ke atas konsulatnya di Damsyik, Syria yang mengorbankan 17 pegawai kanan tenteranya. Teheran menuduh Tel Aviv bertanggungjawab ke atas serangan tersebut yang disangkal oleh rejim Zionis itu. Berikutan insiden ini, Iran sebagai negara berdaulat tidak duduk diam dan bertindak menyerang Israel dengan peluru berpandu dan dron.

Dianggarkan

85%

dari dagangan antarabangsa diangkut menggunakan kapal belayar melalui Terusan Suez

12%

dagangan dunia

30%

dagangan kontena dunia

Rantaian Bekalan dan Dagangan Terkesan

Konflik di antara Iran dan Israel ini berlaku di atas pentas maritim yang menjadi dagangan global dan di wilayah yang kaya dengan minyak dan gas. Penganalisa keselamatan dan pertahanan maritim sibuk menilai implikasinya kepada keselamatan lautan di rantau Teluk. Sambil itu, pakar-pakar ekonomi dan pengamal sektor perkapalan, pelabuhan dan logistik juga sibuk menilai kesan konflik ini terhadap rantaian bekalan (supply chain) yang menghubungkan pengeluar dan pasaran/pengguna serta impak terhadap dagangan dan ekonomi antarabangsa.

Antara perkara yang paling dirisaukan oleh masyarakat antarabangsa ialah kesan konflik ini ke atas aliran kargo yang diangkut oleh kapal-kapal komersil. Pada penghujung 2023, dunia gempar dengan serangan pemberontak Houthi yang dipercayai mendapat sokongan Iran ke atas kapal-kapal dagangan di Laut Merah yang merupakan laluan perkapalan bagi minyak dan gas yang penting kepada ekonomi dunia. Pemberontak ini menyatakan yang mereka bertindak sedemikian sebagai reaksi kepada kekejaman Israel di Gaza. Kini, ketegangan antara Iran dan Israel ini meningkatkan lagi 'suhu geopolitik' di lautan yang sangat kritikal kepada perdagangan antarabangsa ini.

Konflik ini tercetus berlatarbelakangkan Terusan Suez dan Laut Merah di antara Semenanjung Arab dan Pesisir Timur Benua Afrika, juga Selat Hormuz yang terletak berdekatan dengan Iran dan negara-negara Asia Barat yang kaya dengan minyak. Perairan ini merupakan antara *maritime chokepoints* atau laluan maritim sempit

yang teramat penting nilainya kepada ekonomi global. Dianggarkan 85 peratus dari dagangan antarabangsa diangkut menggunakan kapal dan hampir 12 peratus dagangan dunia dan 30 peratus dagangan kontena dunia belayar melalui Terusan Suez. Laluan maritim yang sangat penting dari segi strategik dan ekonomi ini bersambung dengan Selat Bab Al-Mandab yang lebarnya hanya 30 km.

Berdasarkan fakta-fakta ini, kita boleh bayangkan kesan konflik antara Israel dan Iran terhadap pengangkutan kargo terutamanya minyak sekiranya laluan-laluan kritikal ini terancam atau terhalang. Ini tentunya akan meningkatkan kos perkapalan dan seterusnya mengganggu pasaran tenaga dunia. Sebarang ancaman ke atas perkapalan dan aliran kargo di Terusan Suez dan Selat Hormuz berpotensi mendatangkan kesan buruk terhadap dagangan antarabangsa terutamanya antara Eropah, Asia dan Afrika.

Beberapa syarikat perkapalan terpaksa menukar laluan dari belayar menerusi Terusan Suez ke laluan Tanjung Harapan di Afrika Selatan bagi mengelak ancaman pemberontak ini. Laluan ini menambah jarak dan hari pelayaran antara Eropah dan Asia berbanding dengan pelayaran melalui Terusan Suez di pesisir negara Mesir. Sebagai contoh, pelayaran sebuah kapal pengangkut minyak yang belayar dari Pelabuhan Rotterdam di Belanda ke Pelabuhan Shanghai di China pada kelajuan 16 batu nautika (30km sejam) melalui Terusan Suez mengambil masa selama 25 hari untuk menyempurnakan jarak 10,000 batu nautika (18,520 km). Kapal yang sama memerlukan 35 hari untuk belayar sejauh





13,500 batu nautika (25,000 km) melalui Tanjung Harapan. Ini meningkatkan kos minyak (sehingga US\$1 juta kepada setiap kapal) dan kos operasi syarikat-syarikat perkapalan yang memberikan perkhidmatan di laluan tersebut. Jarak dan kos pelayaran yang bertambah ini juga mendatangkan pelbagai kesan kepada rantaian bekalan seterusnya kepada perniagaan, pengguna dan dagangan serta ekonomi antarabangsa.

Masa belayar yang lebih lama ini menyebabkan kelewatan kepada aliran dagangan di sepanjang rantaian bekalan dan mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada pengguna, perniagaan dan industri. Dianggarkan kapasiti perkapalan kontena telah berkurangan 10 peratus akibat konflik Iran-Israel di rantau ini. Mereka yang masih menggunakan perkhidmatan perkapalan di laluan penting ini kini harus membayar sehingga US\$500 lebih tinggi untuk setiap kontena 20 kaki (TEU) yang diangkut oleh kapal yang belayar melaluinya. Premium insuran juga meningkat dengan terdedahnya kapal, kargo dan kru kepada ancaman serangan akibat konflik ini.

Dari sudut pengangkutan logistik dan operasi perkapalan komersil, ketegangan di antara Iran dan Israel boleh mendatangkan

kesan yang sangat buruk kepada kepentingan dagangan serta ekonomi dunia. Seandainya laluan perkapalan di Terusan Suez dan Selat Hormuz yang menjadi gelanggang konflik ini terus terganggu akibat operasi ketenteraan dan serangan ke atas kapal-kapal dagang oleh pemberontak Houthi dan tentera kedua-dua pihak bersengketa, dagangan antarabangsa amnya dan aliran dagangan di perairan ini akan teruk terkesan. Kos pengangkutan minyak dan gas akan meningkat dan seterusnya mendatangkan *domino effect* yang buruk kepada ekonomi dunia yang sangat bergantung kepada minyak dan gas sebagai sumber tenaga utama.

Ketegangan ini juga boleh menggugat operasi pengangkutan kargo udara akibat penutupan ruang udara, peningkatan langkah-langkah keselamatan dan juga gangguan terhadap dagangan. Ini boleh mengakibatkan peningkatan masa dan kos menghantar kargo menggunakan pesawat. Ini akan melambatkan pergerakan kargo terutamanya eksport minyak dari Asia Barat ke Eropah dan Asia Timur. Sekiranya konflik ini berlarutan, harga minyak mentah akan meningkat dan tentunya mempengaruhi harga pelbagai komoditi, barangan serta perkhidmatan.

Perbezaan pelayaran sebuah kapal pengangkut minyak dari Pelabuhan Rotterdam di Belanda ke Pelabuhan Shanghai di China pada kelajuan 16 knot (30km sejam)

Laluan Terusan Suez
mengambil masa selama

25 hari
untuk jarak
10,000 batu nautika

Manakala melalui

Laluan Tanjung Harapan
mengambil masa selama

35 hari
untuk jarak
25,000 batu nautika

Andainya kemelut geopolitik ini berpanjangan dan menjadi semakin serius, ia akan mendatangkan impak yang sangat buruk kepada pasaran, perniagaan dan pengguna hampir di seluruh dunia. Seluruh rantaian bekalan yang berkaitan dengan wilayah ini akan mengalami gangguan dan melambatkan sistem penghantaran *just in time* yang diamalkan oleh banyak syarikat dan industri. Pengeluar barangan akan mengalami kesukaran untuk mendapatkan bahan mentah manakala para pedagang akan menghadapi kelewatan membekalkan barangan kepada pengguna. Ini akan mengakibatkan kekurangan inventori, kelewatan pengeluaran dan kekecohan di sepanjang rantaian bekalan.

“Brace yourself!”

Kita berharap yang konflik ini tidak berlarutan atau lebih buruk lagi, merebak ke rantau lain. Ekonomi banyak negara dan dunia baru sahaja pulih dari kesan COVID-19 yang mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada rantaian bekalan dan dagangan global. Kawalan dan larangan pergerakan hampir membuat pergerakan kargo dan dagangan dunia terhenti menyebabkan dunia dilanda kegawatan ekonomi yang serius. Gangguan atau penutupan laluan maritim yang kritikal seperti Terusan Suez, Laut Merah dan Selat Hormuz tentunya akan mendatangkan impak yang sama buruk kepada dagangan dan ekonomi global.

Para pengamal sektor logistik sedang memantau dengan teliti situasi di Selat Hormuz dan telah mula menggerakkan rancangan kontingensi bagi mengurangkan dan menguruskan risiko yang berkaitan dengan konflik ini. Ini termasuklah mengalihkan laluan kapal-kapal dari perairan di mana konflik antara Israel dan Iran berlaku, meningkatkan langkah-langkah keselamatan ke atas kapal, kargo dan anak-anak kapal serta mempelbagaikan laluan pengangkutan kargo bagi meminimalkan kebergantungan terhadap *chokepoints* atau laluan dagangan maritim yang terdedah kepada risiko serangan.

Melihat konflik Iran-Israel dari perspektif dagangan antarabangsa, ia berpotensi mendatangkan kesan

yang serius kepada corak pergerakan kargo di lautan serta pergerakannya di sepanjang rantaian bekalan. Ketegangan geopolitik yang semakin meruncing mungkin mendorong syarikat-syarikat besar antarabangsa seperti Multinational Corporations (MNC) untuk menilai semula strategi serta keutuhan rantaian bekalan mereka bagi mengelakkan gangguan kepada bekalan bahan

mentah serta komponen dan peralatan yang mereka perlukan. Ini termasuk mengalihkan rantaian bekalan mereka ke wilayah yang kurang terdedah kepada konflik dan ketidakstabilan. Dalam erti kata lainnya, MNC mungkin mengalihkan tumpuan mereka kepada sumber bekalan yang lebih terjamin dan selamat bagi memastikan rantaian bekalan mereka tidak terganggu demi kesinambungan perniagaan.


Peningkatan ketegangan geopolitik antara pihak-pihak yang bersengketa ini boleh juga mengakibatkan kelewatan pergerakan kargo dan *bottlenecks* di pelabuhan-pelabuhan dan laluan-laluan sempadan untuk kenderaan darat dan keretapi. Ini tentunya akan mencengkam aliran bahan mentah dan barangan buatan dan mengakibatkan peningkatan masa dan kos pengangkutannya. Para pengamal logistik perlu cepat membuat perubahan sejajar dengan situasi yang tidak menentu ini bagi mengurangkan gangguan dan memastikan kargo diangkut dengan cepat dan kos efektif.

Aturan dan dasar dagangan mungkin juga terkesan oleh konflik yang merisaukan ini. Negara-negara terbabit mungkin mengenakan sekatan dagangan atau menghadkan aliran keluar masuk kargo dari Iran dan Israel di pelabuhan-pelabuhan dan laluan sempadan mereka. Syarikat-syarikat serta para pengamal logistik harus bersedia untuk mendapatkan maklumat mutakhir tentang sebarang perubahan dalam aturan serta dasar dagangan bagi memastikan kepatuhan dan mengawal gangguan terhadap operasi pengangkutan dan pengendalian dagangan dengan teliti.

Sebagai kesimpulan, konflik Iran-Israel ini boleh mendatangkan cabaran besar kepada dagangan antarabangsa terutamanya dari perspektif operasi maritim perkapalan dan pelabuhan, rantaian bekalan dan logistik. Keselamatan dan kestabilan *maritime chokepoints*, keutuhan rantaian bekalan dan keberkesanan peraturan dan dasar dagangan adalah antara hal-hal yang menjadi kebimbangan bagi para pemegang taruh berkaitan. Namun, dengan perancangan proaktif, kerjasama erat dan tahap fleksibiliti yang tinggi, para pengamal logistik boleh mengurangkan serta mengawal risiko yang timbul dari konflik ini.

Kita berharap konflik ini berakhir dengan cepat tanpa merebak dan mendatangkan kesan buruk kepada ekonomi negara-negara serta dunia yang masih pulih perlahan-lahan dari impak COVID-19. Kita juga mendoakan anak-anak kapal yang belayar di perairan yang terancam terpelihara dari ancaman konflik ini. Akhir sekali, marilah kita terus mendoakan agar rakyat Palestin yang diserang tanpa belas kasihan dan ditindas dengan zalimnya oleh rejim Zionis Israel akan segera keluar dari penderitaan mereka dan hidup dengan aman dan bebas kelak di negara Palestin yang merdeka.

From the river to the sea, Palestine will be free! 🇵🇸





Menelusuri Ikatan Hampir 50 Tahun

Oleh PW I KOM Mohamad Fauzi bin Zaina (PUSMAS TLDM)

KUALA LUMPUR, 13 Januari 2024 - Seramai 33 alumni dan pasangan dari *Royal Malaysian Navy Short Service Commission Officers* (RMNSSC16) telah menghadiri majlis makan tengah hari bagi memberi penghormatan kepada Pegawai Latihan Tentera Laut Diraja Malaysia di KD SRI GOMBAK. Alumni RMNSSC Pengambilan 16 telah menjalani latihan asas ketenteraan dan tentera laut dari 1975 hingga 1978 dan menerima Suruhanjaya Diraja pada tahun 1977. Ini merupakan perhimpunan Alumni Pengambilan 16 terbesar

bagi mengukuhkan ikatan dan mewujudkan ikatan sepanjang hayat yang berharga. 26 Pegawai Latihan Tentera Laut dan isteri menghadiri majlis makan tengah hari tersebut. Antara Pegawai Latihan yang menghadiri jamuan tengah hari itu ialah Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali (Bersara), Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (Bersara), Laksamana Pertama Datuk N.E Peterson (Bersara), Laksamana Pertama Datuk Ramli Shamsudin (Bersara) dan Laksamana Madya Datuk Hj. Nasaruddin Othman (Bersara). **S**

Sumbangan Infaq Ramadan Kepada Veteran Asnaf

Oleh Laksamana Muda Dato' Ir. Ts. Haji Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah (RMN Chief Engineer Office)

Foto Lt Dya Muhammad Ikmal bin Mohd Saed TLDM

KUALA LUMPUR, 1 April 24 - Sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Bahagian Kejuruteraan Markas Tentera Laut mengambil inisiatif melalui program *We Care For Veterans* iaitu program ziarah dan penyampaian sumbangan kepada asnaf melibatkan para Veteran TLDM.

Sumbangan melibatkan barangan keperluan dapur dan wang tunai hasil sumbangan warga Bahagian Kejuruteraan sempena Ihya Ramadan serta titipan ikhlas daripada 6 buah syarikat iaitu Aura Efektif Sdn Bhd, Galaxy Aerospace (M) Sdn Bhd, Navamas Engineering Sdn Bhd, Kossan Paint (M) Sdn Bhd, D'Aquarian Sdn Bhd dan Tanahair Technologies Sdn Bhd.

Program *We Care For Veterans* ini melibatkan 6 Veteran TLDM tidak berpenyen di sekitar Lembah Klang yang disaran oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM. Mereka merupakan veteran yang tidak mampu bekerja, menghidap penyakit kronik, berkeluarga dan mempunyai tanggungan besar. *We Care For Veterans* ini adalah inisiatif menambah baik modal insan warga TLDM untuk memupuk nilai murni melalui pendekatan *We Care*.

Warga *the Navy People* wajar berbangga dengan usaha ini demi menghargai anggota TLDM yang pernah menabur bakti dan keringat demi kedaulatan tanah air tercinta. **S**



Laksamana Muda Dato' Ir. Ts. Haji Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah menyampaikan sumbangan kepada Veteran TLDM

Syarat Kemasukan Skim Perkhidmatan Pegawai ATM Darat/Laut/Udara

Oleh BM PNK Norazyra binti Shukor (PUSMAS TLDM)

KELAYAKAN PEGAWAI PEGAWAI SKIM KADET UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

SYARAT KELAYAKAN

1. Syarat Akademik

- Lulus peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan gred seperti berikut:

Gred A dalam ketiga-tiga subjek dibawah:

- Bahasa Melayu
- Bahasa Inggeris
- Matematik

Gred A dalam mana-mana dua subjek dibawah:

- Fizik
- Kimia
- Biologi
- Matematik Tambahan
- Prinsip Akaun
- Perdagangan
- Geografi
- Sejarah
- Ekonomi Asas
- Teknologi Maklumat
- Pengajian Keusahawanan
- English in Science and Technology
- Reka Cipta
- Mata Pelajaran Teknikal (Kejuruteraan Awam/Kejuruteraan Mekanikal/Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik/ Teknologi Kejuruteraan)

2. Syarat Kesihatan Fizikal

- Sihat tubuh badan serta tidak cacat anggota. Penglihatan hendaklah terang dan jelas tanpa cermin mata atau kanta lekup dan tidak rabun warna. Fizikal tubuh badan menepati kriteria berikut:

Lelaki	Perempuan
Tinggi minimum: 1.62m	Tinggi minimum: 1.62m
Berat minimum: 47.5kg	Berat minimum: 45.0kg
Body Mass Index (BMI): 18.0 hingga 26.9	Body Mass Index (BMI): 18.0 hingga 26.9
Ukuran dada minimum (Lelaki sahaja): 76sm	

3. Syarat Kewarganegaraan dan Umur

- Calon mestilah warganegara Malaysia dan berumur 17 tahun 6 bulan hingga 19 tahun. Calon-calon yang berumur di antara 17 tahun 6 bulan hingga 18 tahun juga perlu mendapat kebenaran dan kelulusan ibu bapa atau penjaga.

4. Syarat Kesihatan

- Sihat tubuh badan serta tidak cacat anggota. Penglihatan hendaklah terang dan jelas tanpa cermin mata atau kanta lekup dan tidak rabun warna.

PEGAWAI SKIM GRADUAN

1. Syarat Akademik

- Senarai Tugas Am (STA):
 - a. Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf.

- b. Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dalam bidang berikut:

- Kejuruteraan
- Sains Komputer
- Senibina
- Teknologi Maklumat
- Pengurusan (Pembangunan Manusia)
- Pengurusan (Teknologi Maklumat)
- Undang-undang
- Sains
- Statistik
- Ekonomi
- Matematik
- Inventori
- Kewangan/Perniagaan
- Perhubungan Antarabangsa
- Katering dan Perhotelan
- Lain-lain jurusan yang akan ditetapkan oleh perkhidmatan dari semasa ke semasa

- Senarai Tugas Ikhtisas (STI):

- a. Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM atau setaraf
- b. Kejuruteraan
 - Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal
 - Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Marin)
 - Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal (Aeronautik)
 - Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Awam
 - Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Elektrik/ Elektronik
 - Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Komputer

KRITERIA PEMILIHAN DAN TEMUDUGA

- Proses pemilihan adalah berdasarkan kepada merit Kelayakan Akademik. Calon yang terpilih akan dipanggil untuk menjalani sesi temuduga. Sesi temuduga merangkumi perkara-perkara berikut:
- Ujian bertulis
- Pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan ATM iaitu memenuhi taraf Darjah Kesihatan Tubuh (DKT-Forward Everywhere(FE))
- Ujian Jasmani
- Ujian Kepimpinan
- Prestasi Sahsia
- Kriteria Tambahan. Calon yang cemerlang dalam bidang sukan akan diberi keutamaan

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Markas Angkatan Tentera Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Anggota
Cawangan Tenaga Kerja
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

Talian: 03-40131426 atau 03-40131427

Email: pengambilanpegatm@gmail.com

Facebook: Cawangan Tenaga Kerja – TKC

Instagram: Cawangan_tenaga_kerja_c

Tim *Explosive Ordnance Disposal* (EOD) TLDM

Oleh BK PLM Md Sabri bin Saman (Mk SPPA)

Tim EOD Penyelam Ranjau TLDM sentiasa melaksanakan latihan bagi meningkatkan kompetensi anggotanya.

Pendedahan terhadap ancaman *Explosive Ordnance* (EO) dan *Improvised Explosive Device* (IED) semakin dilupakan oleh sebilangan rakyat negara ini. EO merupakan bahan letupan yang menyerupai atau berhubung kait dengan bahan letupan yang direka untuk menyebabkan kemusnahan terhadap individu atau harta. Manakala IED adalah jerangkap bahan letupan rekaan sendiri yang mengandungi bahan letupan untuk tujuan yang sama seperti EO.

Tim *Explosive Ordnance Disposal* (EOD) dan Tim *Improvised Explosive Device Disposal* (IEDD) adalah tim kecil dari Penyelam Ranjau TLDM yang dipertanggungjawabkan menggalas tugas berisiko tinggi ini seperti yang termaktub di dalam Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No.8. Di antara salah satu tugas teras Penyelam Ranjau TLDM adalah bertanggungjawab dalam operasi khas untuk menyokong Pasukan Anti Perampasan Maritim dalam Pemusnahan Ordinan Letupan.

Antara tugas Penyelam Ranjau TLDM semasa aman adalah:

1 Mengendalikan latihan pemusnahan yang berterusan mengikut prosedur yang ditetapkan.

2 Memberi bantuan di dalam kerja-kerja pembersihan lapang sasar pemusnahan.

3 Mengeluar dan mengasingkan bahan letupan usang serta memusnahkan jerangkap samar.



Keratan akhbar ketika tim EOD Pasukan Selam Armada Timur melaksanakan operasi di Kota Belud, Sabah

Tugas ketika perang:

- 1 Tugas utama Penyelam Ranjau TLDM adalah bekerjasama dengan badan induk *Explosive Ordnance Response* (EOR).
- 2 Melaksanakan persiapan operasi, merancang *Tactics, Techniques & Procedures* (TTP) tugas operasi.
- 3 Bertindak sebagai pasukan perantaraan di antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Beberapa kejayaan operasi telah dicapai oleh Penyelam Ranjau TLDM seperti memusnahkan:

- a *Unexploded Ordnance* (UXO) - Perairan Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah.
- b *Unexploded Ordnance* (UXO) - Perairan Pulau Mantanani, Kota Belud, Sabah.
- c *Unexploded Ordnance* (UXO) - Perairan Pantai Tanjung Sepat, Selangor.



Operasi pemusnahan *Unexploded Ordnance* (UXO) di perairan Pantai Tanjung Sepat

Kemampuan Tim EOD bergantung kepada kemahiran anggota serta keupayaan peralatan yang digunakan. Kedua-dua elemen ini perlu berjalan seiring bagi menangkis sebarang ancaman EOD dan IEDD masa kini. Bagi menentukan prosedur tidak diambil mudah dan remeh, Markas Selam dan Peperangan Periuik Api (Mk SPPA) telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Jawatankuasa Pemusnah Ordinan Letupan (JK POL) Penyelam Ranjau TLDM bagi memastikan setiap operasi dan latihan berkaitan EOD dan IEDD dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan. JK POL Penyelam Ranjau TLDM juga bertanggungjawab merancang perolehan peralatan EOD seiring perkembangan terkini.

Kesedaran ancaman EOD dan IEDD bukan sahaja perlu diterapkan di kalangan warga tentera namun juga kepada rakyat Malaysia secara amnya bagi meningkatkan kesedaran sekaligus mengurangkan risiko kehilangan nyawa. Meskipun peranan Penyelam Ranjau TLDM dalam tugas pemusnahan ini lebih tertumpu di perairan dan Pangkalan TLDM namun ianya bukanlah satu halangan bagi Penyelam Ranjau TLDM memberi bantuan kepada mana-mana agensi yang memerlukan. **S**

Tim EOD melaksanakan pengesanan IEDD dengan menggunakan X-ray dan operator mengenakan *Bomb Suit* MK 10A, *Tactical Helmet* dan *Armour Vest*





Crossing the Equator

Oleh Lt Amanina binti Mat Kamal TLDM (PUSMAS TLDM)

Garisan Khatulistiwa merupakan garisan lintang di titik koordinat 0° yang memisahkan bumi kepada dua bahagian utara dan selatan. Melintasi garisan Khatulistiwa atau "Crossing the Equator" merupakan tradisi pelaut yang diamalkan sejak turun-temurun di mana upacara khas dikenali sebagai "Crossing the Line Ceremony" dilakukan di atas kapal setelah melintasi garisan ini. Upacara ini pada asalnya diamalkan berdasarkan ritual kuno untuk merayakan Raja Neptune sebagai penguasa lautan apabila seseorang anak kapal melewati garisan Khatulistiwa buat pertama kalinya. Namun di Malaysia, upacara tersebut dijalankan sekadar merayakan warga kapal yang memperoleh pencapaian tersebut tanpa unsur penyembahan atau ritual keagamaan.



Sijil kepada anak kapal yang telah melintasi garisan Khatulistiwa disebut sebagai *Shellbacks* (Anak Neptune)

Anak kapal
meraikan kejayaan
mengharungi
Upacara Melintasi
Garisan Khatulistiwa





Shellback

Panggilan nama bagi pelayar atau anak kapal yang berpengalaman melintasi garisan Khatulistiwa

Golden Shellback

akan dianugerahkan jika penyeberangan Khatulistiwa dibuat pada garisan Meridian ke 180°

Emerald Shellback

jika penyeberangan dibuat pada Greenwich (Long 000° 00.0E)

Pollywog atau Tadpole

bagi kelasi yang masih belum menempuhi upacara ini

Semua kelasi yang tidak pernah menyeberangi garisan Khatulistiwa perlu menjalani upacara pengesahan tersebut di mana secara simboliknya pengesahan dilakukan oleh kelasi-kelasi yang pernah membuat perjalanan itu. Panggilan nama bagi pelayar atau anak kapal yang berpengalaman melintasi garisan Khatulistiwa ialah “Shellback” (Cangkerang) manakala gelaran “Golden Shellback” (Cangkerang Emas) akan dianugerahkan jika penyeberangan Khatulistiwa dibuat pada garisan Meridian ke 180°. Selain itu, jika penyeberangan dibuat pada Greenwich (Long 000° 00.0E), kelasi itu akan digelar “Emerald Shellback” (Cangkerang Zamrud). Gelaran “Pollywog” atau “Tadpole” digunakan bagi kelasi yang masih belum menempuhi upacara ini.

Upacara ini juga digunakan oleh warga kapal untuk menguji kelasi muda mereka semasa pelayaran pertama di laut terbuka untuk memastikan mereka mampu untuk bertahan semasa pelayaran yang panjang dan bergelora yang meliputi siri acara dan aktiviti yang mencabar ketahanan fizikal dan mental. Bagi yang berjaya melalui upacara ini, segulung sijil akan dikurniakan sebagai bukti mengikuti pelayaran melintasi garisan Khatulistiwa.

TLDM tidak ketinggalan dalam pelaksanaan tradisi ini malah, telah diadakan berkali-kali bagi meraikan anggota-anggota baharu di kapal yang melintasi garisan Khatulistiwa. Misalnya, KLD TUNAS SAMUDERA melintasi garis lintang tersebut sebanyak empat kali semasa Projek Poland pada tahun 2008 manakala KD LEKIU dan KD SRI INDERA SAKTI pada 25 Ogos 22 semasa pelayaran menuju ke Surabaya sempena Eks MALINDO JAYA 26AB/22.

Upacara ini mungkin boleh disalah erti sebagai adat buli-membuli namun pada hakikatnya bertujuan untuk meningkatkan moral di saat berada di samudera di samping memupuk semangat kekitaan di kalangan warga. Peluang untuk melintasi garisan Khatulistiwa tidak selalu diperolehi dan mungkin hanya berlaku sekali seumur hidup, maka kejadian ini diklasifikasikan sebagai satu peristiwa penting yang dinanti-nantikan dan diingat dengan penuh makna dalam kerjaya sebagai seorang pelayar. **S**



Penamaan dan Pentauliahian Semula Dua Kapal Ronda Kelas Panah

Oleh Laksamana Muda Dato' Ir. Ts. Hj Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah (RMN Chief Engineer Office)

Foto Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut



Upacara Penamaan dan Pentauliahian semula dua buah kapal *Patrol Craft* (PC) TLDM iaitu KD SRI SABAH dan KD SRI SARAWAK telah disempurnakan di Tambatan Pangkalan Kuantan (TPK) pada 19 Jan 24. Kerjasama TLDM dan limbungan MSET Corporation Sdn Bhd, Kuala Terengganu telah melaksanakan program refit secara *extensive* bermula pada tahun 2019 dalam memodenkan KD SRI SABAH dan KD SRI SARAWAK yang diperolehi semula dari Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Watikah Pentauliahian bagi kedua-dua kapal ini telah dibacakan di hadapan Pegawai Memerintah (PM) yang dilantik oleh TLDM dan ia merupakan simbolik



KD SRI SABAH (46)
dan KD SRI SARAWAK (48)



bagi sesebuah Pentauliah Kapal Diraja (KD). Upacara disusuli dengan pemakaian insignia Pegawai Memerintah pertama kepada Leftenan Komander Mohd Fairuz bin Ahmad Fauzi TLDM, PM KD SRI SABAH dan Leftenan Komander Anwar Redhwan bin Lokman Hakim TLDM, PM KD SRI SARAWAK.

Secara tradisinya, setiap kapal yang mendapat tauliah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong (SPB YDPA) akan melantik seorang wanita sebagai *Lady Sponsor* bagi upacara penamaan bagi kapal tersebut. Puan Sri Dr. Norinah binti Mustapha, isteri Panglima Tentera Laut telah diberi penghormatan sebagai *Lady*

Sponsor KD SRI SABAH manakala Datin Zamzelina binti Ahmad, isteri kepada Timbalan Panglima Tentera Laut diberi penghormatan sebagai *Lady Sponsor* KD SRI SARAWAK.

Pentauliah semula KD SRI SABAH dan KD SRI SARAWAK ke dalam armada TLDM merupakan satu langkah interim bagi menampung kekurangan aset boleh operasi dan warga *the Navy People* seharusnya berbangga dengan inisiatif, “makeover” dan “changeover” kedua-dua PC di mana ia mampu mendokong tuntutan operasi yang semakin meningkat dan mencabar. 







Kejayaan penembakan 2 misil EXOCET
MM40 Block II secara *salvo* oleh KD
LEKIU tepat mengenai sasaran semasa
Eksesais TAMING SARI Siri 22/23





People





Pertarungan Sengit Atlet Kabaddi di Sukan Asia Ke-19

Oleh & Foto LK PAP (PKL) Allexson Lian anak Sin (KD SRI SEMPORNA)



Temasya Sukan Asia Yang Ke-19 telah berlangsung dengan gilang-gemilangnya pada 6 hingga 30 Okt 23 yang lalu di Hangzhou, China telah memperlihatkan wakil TLDM dari unit KD SRI SEMPORNA iaitu 838043 LK PAP (PKL) Allexson Lian anak Sin telah mewakili negara bagi sukan Kabaddi. Anggota merupakan pemain yang telah terpilih setelah sesi pemilihan dilaksanakan terhadap 60 orang pemain yang datang dari seluruh pelosok negara. Lebih membanggakan lagi anggota merupakan satu-satunya pemain dari Tentera Laut Diraja Malaysia.

Penyertaan Malaysia dalam temasya kali ini telah mendapat tempat ke 5 daripada 12 negara yang bertanding. Walaupun gagal untuk menyumbang sebarang pingat namun berdasarkan merit, pasukan



Kabaddi negara telah berjaya melayakkan diri dalam Kejohanan Piala Dunia Kabaddi 2024. Pencapaian ini adalah yang tertinggi sepanjang penglibatan negara di dalam temasya ini. Antara negara yang menyertai sukan Kabaddi pada temasya kali ini adalah Iran, Korea dan Thailand.

Tuntasnya, sukan Kabaddi ini perlu diperluaskan lagi pelaksanaannya di dalam negara. Dengan memperlihatkan pencapaian pasukan, tidak mustahil sukan ini mampu untuk lebih berjaya dan dikenali di seantero dunia. Angkatan Tentera Malaysia juga turut menyumbang dengan penubuhan Persatuan Kabaddi ATM sekaligus memperlihatkan betapa seriusnya usaha ATM untuk menaik taraf sukan ini. Diharap pada masa akan datang sukan Kabaddi ini dapat didedahkan kepada suku kaum lain di Malaysia dan tidak terhad kepada kaum India sahaja. Ini sekaligus akan dapat mewujudkan masyarakat berbilang bangsa yang harmoni. 





KD KELANTAN dan KD KEDAH Mengharumkan Nama TLDM di Multilateral Naval Exercise Komodo (MNEK)

Oleh & Foto Lt Mohd Hairry bin Adanan TLDM



KD KELANTAN dan KD KEDAH melakar sejarah dengan mendapat tempat Kedua dalam Pertandingan Masakan semasa *Multilateral Naval Exercise Komodo (MNEK) Ke-4 2023* di Makassar Sulawesi Selatan, Indonesia. Ketua Rumah Masak KD KELANTAN, Bintara Muda BDI Mohd Raffiq bin Buang bersama pasukan Bendari menggalas tanggungjawab menjayakan menu tersebut. Pertandingan tersebut diadili oleh Chef yang berpengalaman daripada *Indonesian Chef Association (ICA)*.





KD SRI JOHOR dan KD SRI PERLIS
megah menelusuri lautan





Skuadron Kapal Ronda Ke-13

56 Tahun Masih Teguh Mempertahankan Perairan Negara

Oleh Lt Dya Muhammad Nizamuddin Asraf bin Mohd Ariffin
TLDM N/406407

KD SRI JOHOR dan KD SRI PERLIS merupakan dua buah kapal ronda "Kris Class" dari Skuadron PC Ke-13 yang masih dikekalkan di dalam inventori Tentera Laut Diraja Malaysia. Dibina di Limbungan Vosper Limited Portsmouth, England pada tahun 1966 dan ditauliahkan di Singapura pada 14 Feb 68 oleh Ketua Turus Tentera Laut pada ketika itu iaitu *Commodore* K. Thanabalasingam. Kedua-dua kapal tersebut berpangkalan di Sandakan bagi melaksanakan penugasan yang lebih tertumpu kepada operasi di Sabah Timur. Kedua-dua kapal ini banyak berjasa kepada Sabah khususnya ketika konfrontasi Malaysia-Indonesia yang mana ketika itu Filipina juga mahu menuntut wilayah Sabah dan tugas utama kapal adalah menghalang perairan negara ini daripada dicerobohi. Kedua-dua kapal ini turut terlibat dalam menghalang kemasukan pendatang asing Vietnam dan Filipina bagi memastikan tiada sebarang ancaman berlaku di Zon Maritim Malaysia (ZMM).

Walaupun KD SRI JOHOR dan KD SRI PERLIS yang usianya telah melebihi 5 dekad dan di antara kapal paling lama di dalam inventori TLDM, namun kedua-dua kapal ini masih mampu bertahan hingga ke hari ini. Budaya senggaraan ke atas aset yang diamalkan TLDM membuktikan biarpun kapal sudah lama, namun ia masih mampu bertahan. Pencapaian kapal dalam operasi juga menunjukkan kredibiliti skuadron ini walaupun kecil harus dipandang tinggi kerana kehadiran kapal di Laut Sulu berjaya mewujudkan situasi selamat.

Demi menjaga perairan Sabah Timur supaya sentiasa terpelihara, KD SRI JOHOR dan KD SRI PERLIS berjaya melalui fasa pembaharuan dengan melakukan pengubahan struktur kapal di bawah *Obsolescence Program* (OP) yang diperkenalkan dan hasilnya adalah di luar jangkaan. **S**



LABUAN

Epitome Tentera Laut Sejak 1846

Oleh Kdr Faiz Azmi Sutarji TLDM (Pegawai Memerintah Unit Pengawasan Senggara TLDM Timur)

Ketibaan Terawal Tentera Laut British ke Labuan

Dalam bulan Oktober 1844, HMS Semarang bersama Captain Sir Edward Belcher dan James Brooke belayar dari Sarawak ke Labuan. Tujuan pelayaran adalah untuk meninjau kesesuaian Labuan dijadikan Tanah Jajahan Mahkota.

Hasil tinjauan mendapati Labuan merupakan lokasi strategik dalam hubungan dagangan British dengan China. Labuan turut sesuai menjadi stesen mendapatkan sumber arang batu untuk kapal dagang dan kapal Tentera Laut yang ketika itu menggunakan kuasa stim serta menjadi pangkalan untuk mengekang ancaman pelanunan.

Pada 18 Disember 1846, Captain G. Rodney Mundy bersama kapal HMS IRIS menuju ke Brunei dan menandatangani perjanjian penyerahan Labuan kepada British. Pada 24 Disember 1846, di Ramsey Point, Captain Mundy menaikkan bendera *Union Jack* di hadapan Pangiran Momin sebagai wakil Sultan. Maka rasmilah Labuan dijadikan Tanah Jajahan Mahkota dan James Brooke dilantik sebagai Gabenor Labuan yang pertama.

Kehadiran Tentera Laut British telah mengubah landskap Labuan yang pada asalnya tidak berpenghuni sehingga menjadi sebuah pelabuhan terancang. Penemuan arang batu berkualiti yang dilombong di Tanjung Kubong turut menjadi pemangkin kepada pertumbuhan emporium perdagangan di Labuan sekitar tahun 1846 sehingga 1912.

Armada Laut British kekal di Labuan melaksanakan tugas cegah rintang terhadap aktiviti pelanunan yang sering mengganggu kapal-kapal dagang yang menggunakan jalur pelayaran Singapura ke Hong Kong.

Perubahan Pentadbiran

Tahun-tahun berikutnya menyaksikan Labuan mengalami kemerosotan ekonomi. Antara faktor yang menyumbang kepada keadaan ini ialah kekurangan peruntukan dari Kerajaan British, penghasilan arang batu yang semakin merosot dan kegagalan menyaingi kemakmuran pelabuhan lain seperti Singapura dan Hong Kong.

Labuan diserahkan kepada *British North Borneo Company* (BNBC) tahun 1890-1906, diserap ke dalam Negeri-negeri Selat tahun 1907-1941 dan seterusnya di bawah pendudukan Jepun semasa Perang Dunia Kedua tahun 1942 hingga 1946. Labuan terus menjadi stesen sumber arang batu untuk kapal-kapal.

Pendudukan Jepun Semasa Perang Dunia Kedua

Jepun mula menduduki Labuan pada 1 Januari 1942. Labuan ditukar nama ke Maeda Jima dan dijadikan pangkalan tentera untuk pertahanan Jepun di bahagian Selatan bagi laluan perkapalan dari Laut China Selatan ke Singapura. Jepun mengeksploitasi sepenuhnya sumber minyak dan getah di kawasan berhampiran bagi tujuan ekonomi.

Perang Borneo

Pada 3 Mei 1945, Tentera Berikat Amerika Syarikat dan Australia melancarkan kempen pengeboman menggunakan artileri, pesawat dan kapal perang ke atas bandar Victoria dan dua lapangan terbang sebagai persiapan operasi pendaratan tentera. Kekuatan pertahanan Jepun ketika itu adalah seramai 550 tentera dengan sejumlah pesawat tempur dan pengebom. Ketika siri pengeboman ini, bandar Victoria ranap sama sekali.



Kemusnahan bandar Labuan selepas siri pengeboman

Pada 10 Jun 1945, tentera Australia menyerang pertahanan Jepun melalui pendaratan sejumlah 25,000 tentera. Operasi pendaratan ini menggunakan kod nama *Oboe Six*.



Tentera Australia bersedia sedia melaksanakan serangan ke atas Jepun

Keadaan Labuan Pasca Perang

Pulau Labuan jatuh sepenuhnya ke tangan pihak Tentera Berikat pada 10 September 1945. Sebuah kapal pemusnah ranjau *USS SALUTE* (AM-294) tenggelam di perairan Labuan selepas terlanggar periuk api dan meletup pada 8 Jun 1945. Akibat dari insiden tersebut, 9 orang terkorban dan 3 daripadanya masih tidak dijumpai. Bangkai kapal ini menjadi tumpuan penyelam skuba dan dikenali sebagai *American Wreck* dan terletak hampir dengan Pulau Rusukan Kecil.

Selepas perang, Labuan menjadi padang jarak padang tekukur. Kemusnahan fizikal Labuan merupakan yang terburuk di Empayar British. Pasukan Tentera Australia mengambil masa setahun untuk mengembalikan semula fungsi pelabuhan Labuan. Seterusnya Kerajaan British membangunkan semula Labuan melalui Pelan Pembinaan Semula dan Pembangunan Borneo Utara 1948-1955.



Bahan letupan (Depth Charge dan Anti Submarine Projectiles) yang digunakan semasa siri pengeboman

Sebahagian artifak ditemui dan dibongkar keluar dari *USS SALUTE*





Tentera Australia membantu membina semula Labuan yang musnah

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, Labuan kekal menjadi wilayah Sabah. Kepesatan industri minyak di Brunei dan utara Sarawak menjadikan Labuan sebuah stesen *refuelling* bagi kapal-kapal perdagangan di pantai barat Sabah.

Pembangunan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)

Era konfrontasi Malaysia-Indonesia (20 Januari 1963 hingga 11 Ogos 1966) telah memangkin pembangunan sumber manusia dan aset pertahanan TLDM terutamanya di Sabah dan Sarawak. Pangkalan hadapan yang pertama selepas pembentukan Malaysia dibuka pada 16 Mei 1966 di Tanjung Purun, Labuan dan dinamakan KD SRI LABUAN atau *Naval Officer Incharge East Malaysia* (NOICEM).



KD SRI LABUAN dirasmikan oleh YAB Tun Abdul Razak Dato' Haji Hussein (Timb. Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan)

Pada 1 September 1968, jawatan NOICEM telah diganti dengan nama Panglima Wilayah Laut Malaysia Timur atau *Commander Naval Force East Malaysia* (COMNAV EAST). Pada 1 Mac 1996, namanya ditukar kepada Markas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2). Perubahan nama ini selari dengan pembangunan pesat TLDM khususnya di Sabah dan Sarawak.

Pada 2 Jun 2006, pemerintahan MAWILLA 2 dipindahkan ke Teluk Sepangar, Kota Kinabalu kerana keadaan geografi fizikal kawasan tersebut sesuai dijadikan pangkalan utama TLDM terutama bagi penempatan kapal permukaan dan kapal selam manakala pada 1 Oktober 2017, Pangkalan TLDM Tanjung Purun distruktur semula dengan menempatkan dua unit iaitu Unit Pengawasan Senggara TLDM Timur (UPST) dan Pasukan Simpanan Tentera Laut (PSTL) Labuan. UPST bertanggungjawab memantau dan memberi bantuan kejuruteraan untuk kapal, bot, stesen dan pelantar laut yang menjalani pembaikan rutin berjadual di limbungan-limbungan sekitar Sabah, Sarawak dan Labuan.

Kesimpulannya, TLDM memiliki sejarah yang panjang bersama Labuan. Selepas 178 tahun, warga tentera laut masih kekal bertugas di Pangkalan TLDM Labuan. 



Kru pertama KD SRI LABUAN



KOPERASI
TENTERA



Menang wang tunai melebihi

RM100,000

HADIAH BONANZA

10X

RM6,400

HADIAH MEGA

1X

RM64,000

HADIAH SAGUHATI

20X

RM640

Langkah 1

Mohon mana-mana
Produk Pembiayaan
di Koperasi Tentera



Langkah 2

Pembiayaan yang
diluluskan secara
automatik layak
untuk cabutan



Langkah 3

Pemenang cabutan
akan dihubungi
oleh pihak KT



Penyertaan dibuka

1 Januari 2024 - 31 Disember 2024

Royal Malaysian Navy Integrated Readiness and Information System (RMN IRIS)

Oleh Lt Kdr Mohamad Fitri bin Marzilah TLDM (MkTL-KPSI)

SISTEM TLDM SEDIA ADA



Modul RMN IRIS


Transformasi digital dalam negara memanfaatkan pelbagai teknologi pengkomputeran seperti *Business Process Management*, *Artificial Intelligence*, *Cloud Computing* dan Internet bagi menambah baik proses kerja semasa selain meningkatkan mutu serta hasil kerja harian. MkTL-KPSI turut mengambil peluang untuk melaksanakan transformasi digital dengan membangunkan RMN IRIS. Usaha ini sejajar dengan RMN *Digitalisation Organisation* (Transformasi 15to5) di samping menyokong Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Pertahanan 2021 - 2025 dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021 - 2025.

RMN IRIS

Kajian penetapan konsep sistem yang bersesuaian untuk TLDM telah dilaksanakan sejak tahun 2017. Setelah melalui pelbagai peringkat perbincangan dan mesyuarat, pengurusan tertinggi TLDM bersetuju dengan konsep RMN IRIS dan meluluskan perolehan sistem ini pada tahun 2022.

RMN IRIS dibangunkan mulai 1 Feb 23 menggunakan konsep *Enterprise Resource Planning* dengan Pangkalan Data Berpusat. Bersesuaian dengan konsep tersebut, sistem ini mengkonsolidasi dan mengintegrasikan 41 sistem sedia ada yang digunakan oleh TLDM yang berfungsi secara *silo*. Aktiviti ini bertujuan mengumpul data menggunakan pangkalan data berpusat untuk kegunaan modul-modul yang dibangunkan.

MODUL RMN IRIS



Pemusatan data ini membolehkan pelbagai jenis analisis dilaksanakan menggunakan teknologi *Big Data Analytics* (BDA) bagi menghasilkan corak, korelasi dan maklumat berdasarkan data dengan tujuan membantu pengurusan tertinggi TLDM membuat keputusan dengan lebih tepat.

Modul RMN IRIS

RMN IRIS mempunyai enam modul utama iaitu Logistik, Strategik, Pentadbiran, Sumber Manusia, Kewangan dan Operasi. Modul Logistik diperincikan lagi dengan tiga sub modul iaitu Kejuruteraan, Materiel dan Pengurusan Kontrak. Kesemua modul dibangunkan dengan mengautomasikan dan menambah baik proses kerja sedia ada. *Subject Matter Expert* (SME) bagi setiap modul yang dilantik mengambil masa dua tahun untuk menghasilkan *Business Requirement System* (BRS) dan *System Requirement Specification* (SRS) yang menepati keperluan sebenar TLDM.

Infrastruktur RMN IRIS

Infrastruktur rangkaian RMN IRIS menggunakan reka bentuk rangkaian sistem dan pangkalan data secara teragih (Distributed Network and Database) dengan mengambil kira reka bentuk rangkaian sistem TLDMNet sedia ada. Tiga lokasi utama akan menempatkan *server* bagi capaian sistem ini iaitu Pusat Data Bersepadu Kementerian Pertahanan, Pangkalan TLDM Lumut dan Pangkalan TLDM Kota Kinabalu. Reka bentuk ini berfungsi secara aktif sesama sendiri dan mampu menyokong akses pengguna mengikut zon ataupun wilayah.

Bagi pengguna di kapal, akses terhadap RMN IRIS semasa kapal belayar dibuat menggunakan *server* yang dipasang di kapal. *Server* tersebut berupaya memuat naik/turun data secara minimum ke *server* utama menggunakan rangkaian X-Band. *Server* di kapal akan disambungkan ke rangkaian setempat bagi tujuan *synchronization* semasa berada di pelabuhan.

Keselamatan Maklumat


Pembangunan RMN IRIS mengambil kira pelbagai peringkat keselamatan bermula dari perkakasan, rangkaian dan juga sistem. Setiap peringkat ini akan memerlukan pengesahan maklumat yang hendak diproses. Langkah-langkah keselamatan yang telah digariskan untuk pembangunan sistem telah diambil kira dan akan melalui ujian keselamatan setelah siap sepenuhnya yang akan dipantau oleh *Network Security Monitoring Center* (NESMOC), Bahagian Siber dan Elektronik Pertahanan (BSEP).

Keberanian akses bagi setiap pengguna berdaftar ditetapkan dengan hak akses minimum atas dasar perlu mengetahui sahaja. Pengguna bertanggungjawab terhadap akaun masing-masing. Kesedaran setiap pengguna untuk menjaga maklumat akaun merupakan ciri asas penting yang menentukan maklumat dalam sistem ini tidak dicerobohi atau disalahgunakan.

RMN IRIS - Menuju *Internet of Things* (IoT)

IoT merupakan konsep sistem yang berkemampuan untuk menyalurkan maklumat dengan interaksi antara perkakasan atau sistem menggunakan rangkaian Internet. Kini, RMN IRIS menggunakan rangkaian TLDMNet dan paparan yang terhad melalui internet. Menjadi harapan pada masa akan datang, setelah polisi ICT ATM ditambah baik, akan membolehkan *the Navy People* mengakses sistem ini dari pelbagai rangkaian dan perkakasan sebilang masa tidak terhad di pejabat sahaja.

RMN IRIS juga merupakan sistem utama TLDM yang sentiasa berkembang memenuhi keperluan semasa. Sebagai platform utama dalam TLDM, setiap rancangan pendigitalan pada masa depan hendaklah diintegrasikan dengan RMN IRIS bagi memudahkan pengurusan, selenggaraan dan pemantauan terhadap sistem tunggal. 



Arkitektur RMN IRIS



DH.28 Queen Bee



Pesawat kawalan radio yang digunakan sebagai sasaran udara, Ryan Firebee



Dron pengintipan yang dilancarkan dari pesawat DC-130, MQ1 Predator

Perkembangan Teknologi UAV dan Penerapannya di Dalam TLDM

Oleh Lt Muhammad Faruq bin Abd Razak TLDM (Juruterbang Flait B Skuadron 601)

Penggunaan teknologi dron atau juga dikenali sebagai *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) di dalam organisasi ketenteraan bukanlah suatu yang baharu. Teknologi ini telah mula dibangunkan semenjak Perang Dunia Pertama lagi. Namun begitu, penggunaan dron di dalam operasi ketenteraan adalah terhad sebagai sasaran latihan penembakan semasa Perang Dunia Kedua. Perang dingin di antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet menyaksikan peningkatan keupayaan dron sebagai aset pengintipan. Dron *Ryan Firebee* yang pada asalnya digunakan sebagai sasaran udara telah dilengkapi dengan

kamera untuk melaksanakan pengintipan di Vietnam Utara. Penggunaan dron di dalam operasi ketenteraan mencapai kematangan semasa Perang Iraq dan Perang Afghanistan di awal abad ke-21. Amerika Syarikat telah menggunakan UAV untuk pengintipan dan melancarkan serangan. Terkini, Perang Ukraine menyaksikan kedua-dua belah pihak menggunakan dron untuk menyokong operasi ketenteraan mereka.

Teknologi dron mula diperkenalkan di dalam perkhidmatan TLDM dengan penubuhan Skuadron (Skn) 601 yang mengoperasikan *Unmanned Aerial System* (UAS) *ScanEagle* pada tahun 2021.



Pengisytiharan Penubuhan Skn 601 oleh Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany, Panglima Tentera Laut Ke-17

Dron yang dilengkapi Misil *Hellfire*, dan dron Tentera Ukraine yang dilengkapi bom



Warga Skuadron 601 bersama UAS *ScanEagle*.



Kru UAS melaksanakan latihan penerbangan di Stesen Udara Kota Kinabalu

Untuk membolehkan Skn 601 melaksanakan fungsinya dengan efektif, skuadron ini telah bermula dengan latihan penerbangan di Stesen Udara Kota Kinabalu untuk meningkatkan kompetensi kru dalam pengendalian dan pengoperasian UAS *ScanEagle*. Selain itu, skuadron ini juga melaksanakan latihan mobilisasi ke Padang Terbang Kudat dan *loading/unloading trial* bersama pesawat C-130 dari TUDM di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

Selain itu, Skn 601 telah terlibat di dalam eksekusi dalam negara di antaranya EKS BORNEO WAR, OSTEX EAST, EKS KERISMAS, EX CARAT dan EX SEACAT bagi meningkatkan kebolehan Skuadron ini beroperasi bersama aset-aset lain.

Tahun 2023 membuka satu lembaran baru buat Skn 601 di mana skuadron ini telah dimobilisasikan ke STESEN LIMA TLDM bagi mengembangkan lagi keupayaan pengesanan di Stesen Luar Pantai.

Langkah demi langkah, teknologi dron mula diperluaskan di dalam operasi TLDM dalam memperkasakan keupayaan pengesanan aset TLDM. Bahkan, keupayaan ini akan terus dipertingkatkan di masa hadapan dengan persediaan Skn 601 untuk beroperasi dari kapal-kapal TLDM. Dipercayai keupayaan tersebut akan memperluaskan kawasan operasi UAS *ScanEagle* dan mampu memberi nilai tambah yang berharga kepada TLDM dan ATM. 

Lawatan oleh Yang Berbahagia
Panglima Tentera Laut dan Panglima
Angkatan Tentera ke Tapak Operasi
UAS di STESEN LIMA



Skn 601 melaksanakan latihan mobilisasi ke Kudat dan *loading/unloading trial* bersama pesawat C-130 dari TUDM



Penglibatan Skuadron 601 di dalam Eksekusi CARAT dan KERISMAS



Penglibatan Skuadron 601 di dalam Eksekusi CARAT dan KERISMAS

Eksesais MILAN 2024 (MILAN 24)

Oleh Lt Muhammad Noorizzat bin Mohammad Zamri TLDM N/405553
(Pegawai Peperangan Elektronik KD LEKIR)

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah memulakan kalendar latihan bagi tahun 2024 dengan menyertai eksesais berskala besar di peringkat antarabangsa iaitu Eksesais MILAN 2024 (MILAN 24) yang bermula pada 19 hingga 27 Feb 24 di Visakhapatnam, India. KD LEKIR telah diberi amanah untuk menyertai eksesais ini bagi mewakili Malaysia. MILAN 24 merupakan eksesais dwi-tahunan anjuran Tentera Laut India (TLI) yang melibatkan negara-negara rantau Asia dan Indo-Pasifik. Eksesais kali ini merupakan siri terbesar yang pernah dilaksanakan dengan penglibatan 35 kapal dan 50 pesawat dari 47 buah negara.

Penyertaan KD LEKIR merupakan penyertaan kali ke-11 TLDM sejak mula dilaksanakan pada tahun 1995. Pelayaran KD LEKIR ke Visakhapatnam telah membuktikan kemampuan TLDM untuk turut serta

dalam latihan ketenteraan bersekala besar walaupun mengoperasikan aset yang berusia melebihi 4 dekad.

Bertemakan 'Keakraban (Camaraderie), Perpaduan (Cohesion), Kerjasama (Collaboration)' pada eksesais kali ini, ianya amat penting dalam pelaksanaan eksesais selama 9 hari.

Pelbagai aktiviti dirancang semasa MILAN 24 yang bukan sahaja melibatkan latihan ketenteraan tetapi turut menekankan aspek kerjasama, kepimpinan dan persahabatan di antara negara yang terlibat melalui aktiviti sukan dan majlis resepsi. MILAN 24 juga telah menjadi medium perkongsian budaya di antara negara yang terlibat serta perkongsian amalan baik yang diamalkan oleh tentera laut masing-masing.

Selain KD LEKIR, MILAN 24 turut melibatkan dua orang delegasi daripada TLDM yang diketuai Panglima Wilayah Laut 3, Laksamana Pertama Roslee bin Mohamad Isa dan Komander Jamhari bin Katimin TLDM yang telah diberi peluang untuk memberi pembentangan mengenai *Maritime Security Operation in Indo Pacific* semasa aktiviti *Subject Matter Expert Exchange*. Kehadiran Panglima Wilayah Laut 3 dalam eksesais ini membuktikan kesungguhan Malaysia dalam mengeratkan hubungan diplomasi pertahanan antara negara-negara yang terlibat. Pertemuan ini juga memberi peluang kepada Malaysia untuk bertukar maklumat semasa berkaitan keselamatan laluan serta industri maritim. 





Eksesais COBRA GOLD 2024

“Memperkukuh Kerjasama Ketenteraan”

Oleh P/BM JTP Syed Muhammad Amir bin Syed Osman
(Markas Wilayah Laut 3)

Eksesais COBRA GOLD merupakan latihan gabungan multinasional yang dilaksanakan secara tahunan bermula dari tahun 1982. Latihan ketenteraan antarabangsa yang paling lama dan terbesar diadakan di rantau Asia Pasifik ini dianjurkan bersama *Royal Thai Armed Forces (RTARF)* dan *United States Indo Pacific Command (USINDOPACOM)*. Selain Malaysia, antara negara yang turut serta seperti Indonesia, Jepun, Korea Selatan dan Singapura. Thailand merupakan tuan rumah bagi siri ke-43 yang dilaksanakan bermula 19 Feb hingga 8 Mac 24. Eksesais ini melibatkan seramai 31 pegawai dan anggota LLP dari ATM.

Antara objektif utama eksesais ini adalah bagi meningkatkan keupayaan warga ATM melalui aktiviti latihan bersama. Selain itu, ianya juga bertujuan memperkukuh dan mengeratkan hubungan kerjasama seterusnya membina keyakinan dan meningkatkan persefahaman dengan negara yang terlibat di dalam operasi *Peace Enforcement Operation (PEO)* dan *Humanitarian Assistance and Disaster Relief (HADR)*.

Penglibatan Markas Wilayah Laut 3 adalah melalui Ketua Pegawai Staf Operasi, Kdr Mohd Faidzal bin Abbas TLDM yang diberi tanggungjawab sebagai ketua kumpulan bagi *Combine Naval Forces – Manoeuvre, Command Post Exercise / Command and Control Exercise (CPX/CX2)* iaitu latihan mengendalikan semua operasi domain – laut. Bahagian CPX/CX2 telah dijalankan di Camp Red Horse, U-Tapao, Rayong mulai 26 Feb hingga 6 Mac 24.



Pembincangan semasa fasa pelabuhan

Eksesais ini dilihat dapat mengukuhkan lagi hubungan ketenteraan yang baik antara sekutu yang mengambil bahagian dan meningkatkan aspek *experience and knowledge sharing* serta *interoperability* seterusnya dapat meningkatkan kapasiti menjalankan operasi bersama dari pelbagai aspek dengan menyesuaikan mobilisasi dalam pelbagai situasi kecemasan dan berlatih mengikut prosedur. **S**

KD LAKSAMANA HANG NADIM dan VPNS 20 Laksana Latihan Pertingkat Interoperabiliti TLDM - TLV

Oleh Bahagian Komunikasi Strategik Markas Pemerintahan Armada Barat

TLDM dan Tentera Laut Vietnam (TLV) terus memperkukuhkan kerjasama dan meningkatkan interoperabiliti aset melalui latihan *Passage Exercise* (PASSEX) di antara KD LAKSAMANA HANG NADIM dan VPNS 20 di Selat Melaka pada 11 Feb 24. Latihan PASSEX dijalankan saban waktu oleh TLDM dengan kapal perang sahabat yang melalui perairan negara. Kali ini, PASSEX dilaksanakan bersama VPNS 20 yang sedang dalam pelayaran ke destinasi seterusnya selepas selesai melaksanakan lawatan operasi di Pangkalan TLDM Lumut sejak 8 Feb 24 lalu. Latihan PASSEX seperti ini sering kali dilaksanakan untuk meningkatkan kesalingoperasian dengan angkatan laut sahabat selain memperkasakan diplomasi pertahanan negara. **S**



Perbincangan latihan bersama kru kapal KD LAKSAMANA HANG NADIM dan VPNS 20 sebelum latihan dilaksanakan



Kedua-dua kapal sedang melaksanakan latihan PASSEX



Perlaksanaan evolusi stesen mendarat



KD SRI TIGA Dinilai Dalam Latihan *Sandakan Readiness Exercise* (SREX) Siri 24/23

Oleh Bahagian Komunikasi Strategik Markas Wilayah Laut 2

Kesiagaan KD SRI TIGA diuji dalam pelaksanaan *Sandakan Readiness Exercise* (SREX) Siri 24/23 pada 21 Dis 23. Eksesais ini menjadi platform utama yang dipraktikkan bagi melatih dan menilai keupayaan aset serta kecekapan warga kapal yang berada di Pangkalan TLDM Sandakan. KD SRI TIGA dipilih sebagai persiapan awal menghadapi Audit Kesiagaan yang dijadual akan dilaksanakan pada Jan 24.

Antara siri latihan yang dinilai ialah aspek navigasi, laluan bebas periuk api, evolusi ilmu kelautan dan latihan Mengawal Kerosakan Melawan Api (MKMA) untuk menilai tahap kompetensi warga terutamanya tim anjungan selain menilai tahap pengoperasian peralatan sedia ada di kapal. **S**

Persediaan untuk bersaah





BERET KEHORMAT PASKAL Dianugerahkan Kepada PTL Ke-18

Oleh Lt Dya Muhammad Nuralif Arsyad bin Tormudzi TLDM
(KD PANGLIMA GARANG)

Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob telah dianugerahkan dengan **Beret Kehormat PASKAL** pada 6 Feb 2024 di KD PANGLIMA GARANG, Pangkalan TLDM, Lumut, Perak. Penganugerahan ini adalah bagi mengiktiraf kepimpinan beliau selaku Panglima Tentera Laut Ke-18 yang sentiasa memberi keutamaan kepada kesiagaan armada termasuk Pasukan Khas Laut TLDM. Sepanjang pemerintahan, beliau telah mempertingkatkan keupayaan PASKAL dengan melengkapkan pasukan tersebut dengan aset-aset operasi terkini serta meningkatkan fasilitas latihan.

Pada majlis yang sama juga, beliau telah merasmikan **ARBA-1989** iaitu sirkuit

rempuh halangan atau **Obstacle Course PASKAL** terkini. Fasilitas latihan ini telah siap dibina pada hujung tahun 2023. ARBA-1989 dilengkapi dengan 13 halangan atau *obstacle* yang direka khas untuk meningkatkan fizikal dan mental anggota PASKAL ke tahap maksimum.

Majlis telah dilengkapkan dengan penutup **Kursus Asas PASKAL Siri 73/23** dimana Panglima Tentera Laut telah menyempurnakan Pemakaian Beret Ungu PASKAL kepada 17 penuntut kursus yang telah lulus. Seramai 70 peserta kursus telah digugurkan kerana tidak mencapai piawaian PASKAL yang ditetapkan. **S**





40 Tahun Tragedi Tenggelamnya KD SRI PERAK

Oleh PW I KOM (PE) Nor Hasmin bin Hashim (PUSMAS TLDM)
Foto Bahagian Strategik dan Komunikasi Markas Tentera Laut

**KUALA LUMPUR,
14 Januari 2024**

- Bersempena memperingati 40 tahun tragedi tenggelamnya KD SRI PERAK (P3140), seramai 16 bekas kru terakhir dikumpulkan dalam satu majlis di KD SRI GOMBAK. Kapal tersebut telah tenggelam pada 8 Januari 1984 ketika dalam pelayaran melaksanakan operasi merentasi Laut China Selatan menuju ke Labuan bersama KD HANG TUAH dan KD SRI TERENGGANU. Dalam tragedi tersebut seramai 26 daripada 29 anak-anak kapal berjaya diselamatkan manakala 3 kru kapal disahkan hilang. Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob merupakan Pegawai Kadet Kanan (PKK) ketika tragedi tersebut dan kini merupakan satu-satunya kru kapal terakhir yang masih berkhidmat di dalam TLDM.



Cetakan media tragedi tenggelamnya KD SRI PERAK

Pusat Strategi Maritim dan Sejarah (PUSMAS) TLDM turut mengadakan *soft launching* buku KD SRI PERAK - *The Survivors' Citations*. Buku tersebut merekodkan pengkisahan pelayaran terakhir KD SRI PERAK beserta testimoni dan pengalaman warga kapal semasa tragedi tersebut berlaku sehingga mereka berjaya diselamatkan.

Turut diadakan bacaan yasin dan tahlil bagi mendoakan mereka yang telah kembali ke rahmatullah agar ditempatkan di kalangan orang-orang beriman dan soleh. Majlis ini juga turut dihadiri oleh Timbalan Panglima Tentera Laut, ahli Jawatankuasa Laksamana TLDM, ahli keluarga dan waris warga kapal serta dua orang bekas warga kapal KD SRI TERENGGANU. **S**



PTL bersama warga kapal KD SRI PERAK



TPTL bersama Pegawai Muda



Commissioning Ball Pegawai Muda TLDM

Oleh KD SULTAN IDRIS I (KDSI I)

WISMA SAMUDERA, 10 Januari 2024 - *Commissioning Ball* (COMMBALL) merupakan satu tradisi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang acap kali diadakan khas untuk meraikan pegawai-pegawai muda yang baharu ditauliahkan. Pada majlis ini, Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Dato' Zulhelmy bin Ithnain dan pasangan hadir sebagai tetamu utama dengan disertai oleh Panglima Armada Barat, Timbalan Panglima Pendidikan dan Latihan dan Presiden Jawatankuasa Mes Wisma Samudera beserta pasangan masing-masing bagi menyerikan COMMBALL yang dianjurkan oleh KD SULTAN IDRIS I (KDSI I). Seramai 92 pegawai muda yang telah ditauliahkan pada Julai dan Oktober 2023 telah diraikan pada majlis ini.

COMMBALL merupakan majlis suai kenal antara Pegawai Muda dan pegawai-pegawai untuk saling mengenali antara satu sama lain. Tradisi ini akan terus dikekalkan kepada legasi seterusnya demi mengekalkan tradisi tentera amnya. **S**



Istiadat Perbarisan Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XVI

Oleh PW I KOM (PE) Nor Hasmin bin Hashim
(PUSMAS TLDM)



KUALA LUMPUR, 8 Januari 2024 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong telah berkenan mencemar duli ke Istiadat Perbarisan Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI selaku Pemerintah Tertinggi ATM bertempat di Dataran Panglima Tentera Darat, Kem Perdana Sungai Besi.

Seramai 40 pegawai dan 888 anggota Lain-Lain Pangkat terlibat dalam perbarisan diketuai oleh Leftenan Kolonel Mohd Azamri bin Abdullah, Pegawai Memerintah Batalion Ke-12 RAMD (Mekanise). Perbarisan yang terdiri dari dua kontinjen melibatkan 10 detasemen ATM (6 detasemen TDM, 2 detasemen TLDM dan 2 detasemen TUDM). Sebanyak 5 Panji-Panji Diraja telah diarak oleh ketiga-tiga perkhidmatan ATM melibatkan Panji-Panji Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Rejimen Renjer Diraja (RRD), Kor Armor Diraja (KAD), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Sebanyak 5 buah pesawat helikopter ATM iaitu sebuah helikopter A 109 milik TDM, sebuah helikopter AW 139 milik TLDM dan 3 buah helikopter EC-725 milik TUDM telah melaksanakan formasi terbang lintas hormat dengan membawa Bendera Jalur Gemilang, TDM, TLDM dan TUDM disusuli dengan Tembakan Kehormatan 21 das oleh 41 Bateri (Istiadat) Rejimen Artileri Diraja.

Baginda menzahirkan Titah Ucapan dan amanat kepada seluruh warga ATM serta penonton yang hadir. Sebagai simbolik salam perpisahan terakhir dari warga ATM, satu persembahan khas daripada Gabungan Pancaragam Pusat ATM diakhiri dengan nyanyian "Setia" bersama Tuanku, warga ATM serta hadirin yang hadir. **S**



Detasemen TLDM berjalan lalu di hadapan pentas hormat



Tahun Naga Membawa 'Ong', Lambang Kaya dan Mulia

Oleh Bahagian Strategik dan Komunikasi Markas Tentera Laut

KUALA LUMPUR, 29

Feb 2024 - Sambutan

Tahun Baharu Cina 2024

peringkat Markas Tentera Laut telah diadakan secara sederhana tetapi meriah.

Panglima Tentera Laut dan barisan pengurusan tertinggi

TLDM bersama isteri masing-masing hadir memeriahkan sambutan ini.

Turut hadir mantan Panglima Tentera Laut dan veteran TLDM berbangsa Cina untuk meraikan tahun baharu Naga ini.

Majlis diserikan dengan persembahan tarian singa dan dihiburkan oleh Badan Kesenian (BAKES) TLDM.

Sambutan seperti ini memberi peluang kepada warga *the Navy People* berbangsa Cina yang masih berkhidmat dan yang telah bersara untuk bertemu dan mengekalkan jalinan hubungan erat antara satu sama

lain. **S**



Warga *the Navy People* berbangsa Cina hadir memeriahkan sambutan



Isteri-isteri Panglima hadir bersama-sama memeriahkan sambutan



Mengeratkan Hubungan Dua Hala TLDM-Pakistan

Oleh PW I KOM Mohamad Fauzi bin Zaina (PUSMAS TLDM)



Pemangku Pengarah PUSMAS TLDM dan wakil delegasi sedang mendengar taklimat dari wakil NIMA, Pakistan



Laksamana Muda Dato' Pahlawan Abd Halim bin Hj Shaari mengetuai delegasi PUSMAS TLDM

PAKISTAN, 3 Mac 2024


- PUSMAS TLDM telah mengadakan lawatan kerja ke Pakistan mulai 3 hingga 8 Mac 24.

Lawatan ini merupakan salah satu aktiviti yang dipersetujui dari hasil mesyuarat *Navy to Navy Talks* (N2NT) TLDM – TLP pada tahun 2018. Program utama adalah merangkumi pelaksanaan *International Hybrid* seminar anjuran *National Institute of Maritime Affairs* (NIMA), Pakistan *Navy War College* (PNWC) Lahore dan Pakistan *Navy Concepts and Doctrine Development Centre* (PNCDDC). Delegasi lawatan ini diketuai oleh Laksamana Muda Dato' Pahlawan Abd Halim bin Hj Shaari, Panglima Pendidikan dan Latihan.

Antara objektif lawatan adalah untuk meningkatkan kerjasama di antara TLDM dan TLP, pengkongsian pengalaman dan pengetahuan, meneliti kaedah pembangunan doktrin dan kerjasama serta adaptasi oleh TLDM pada masa hadapan.

Secara keseluruhan, lawatan telah berjaya dilaksanakan atas komitmen semua pihak yang terlibat dan secara tidak langsung mengangkat TLDM di mata dunia dan Malaysia sebagai negara yang mementingkan keselamatan maritim.

S



TAHAP PENDIDIKAN

Bintara Pelengkap Kecemerlangan TLDM

Oleh Bahagian Strategik dan Komunikasi Markas Tentera Laut

KUALA LUMPUR, 18 Januari 2024 - Seminar Bintara TLDM 2023 (SB TLDM 23) telah berjaya dilaksanakan dari 16 hingga 17 Jan 24 bertempat di Auditorium Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur. Perasmian SB TLDM 23 telah disempurnakan oleh Pengarah Kanan Material, Laksma Pertama Ts. Hassan bin Zainudin pada 16 Jan 24.

SB TLDM 23 adalah kesinambungan daripada Seminar Bintara Wilayah Barat yang telah diadakan pada 21 hingga 23 Jun 23 di Pangkalan TLDM Lumut, Perak dan Seminar Bintara Wilayah Timur yang telah diadakan pada 17 dan 18 Jul 23 di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Sabah. Hasil daripada kedua-dua seminar yang telah diadakan sebelum ini, SB TLDM 23 telah membincangkan resolusi kertas kerja yang terpilih untuk dibentang dan diangkat ke peringkat Pengurusan Tertinggi TLDM.

SB TLDM 23 juga telah menjemput beberapa penceramah yang terdiri daripada Laksda Dato' Ir. Ts. Hj Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah, Asisten Ketua Staf Kejuruteraan, Laksma Azman bin Rabani, Asisten Ketua Staf Komunikasi Peperangan dan Sistem Informasi dan Laksma Ee Chee Kiong, Timbalan Inspektor Jeneral TLDM.

Hari terakhir SB TLDM 23 telah diadakan sesi interaksi "Admiral on Deck" di antara peserta SB TLDM 23 bersama Timbalan Panglima Tentera Laut dan Asisten Ketua Staf Sumber Manusia. 

Peserta Seminar SB TLDM 23 membentangkan resolusi kertas kerja





Menteri Pertahanan Berbuka Puasa Bersama *The Navy People* di Pangkalan TLDM Johor Bahru

Oleh Bahagian Komunikasi dan Strategik Markas Tentera Laut

JOHOR BAHRU, 17 Mac 24 - Panglima Tentera Laut (PTL) bersama barisan pengurusan tertinggi TLDM dan warga *the Navy People* berbesar hati menerima kunjungan Menteri Pertahanan (MENHAN), YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin berbuka puasa bersama dalam satu majlis di Pangkalan TLDM Johor Bahru. Seramai 500 warga telah hadir ke majlis tersebut dan ini merupakan lawatan pertama MENHAN ke Pangkalan TLDM Johor Bahru sejak mengambil jawatan itu pada Disember 2023.

Dalam majlis tersebut, Menteri Pertahanan telah menyampaikan sumbangan kebajikan oleh Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (YLAT) kepada 20 orang warga TLDM. Beliau turut menyempurnakan penyerahan *Mock Cheque* Peruntukan Senggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) TLDM Tahun 2024 berjumlah RM69.5 juta kepada PTL. **S**

Penyerahan *Mock Cheque* Peruntukan Senggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) TLDM Tahun 2024 kepada PTL



Pengalaman Eksklusif Belayar Bersama KD GAGAH SAMUDERA

Oleh BM PNK Norazyra binti Shukor (PUSMAS TLDM)

BAKAT (L) telah berjaya melaksanakan Program *Team Building* BAKAT Laut JLAKS bermula 25 hingga 28 Januari 2024. KD GAGAH SAMUDERA menjadi pilihan sebagai platform utama sepanjang program 4 hari 3 malam melibatkan pelayaran pergi dan balik dari Pangkalan TLDM Lumut ke Pangkalan TLDM Langkawi.

Panglima Pendidikan dan Latihan, Laksamana Muda Dato' Pahlawan Abd Halim bin Hj Shaari menyampaikan ucapan alu-aluan kepada semua peserta program tersebut dan Majlis Perasmian *Team Building* BAKAT Laut JLAKS Tahun 2024 telah disempurnakan oleh Pengerusi Jemaah BAKAT Laut, YBhg Puan Sri Dr Norinah binti Mustapha di Common Mess, KD GAGAH SAMUDERA.

Penganjuran program kali ini adalah untuk memberi peluang kepada para peserta merasai sendiri pengalaman kehidupan sebagaimana

suami mereka belayar menempuh samudera sebagai seorang anggota Tentera Laut yang Sedia Berkorban menjalankan tugas dan amanah negara tercinta. YBhg Puan Sri telah menzahirkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga KD GAGAH SAMUDERA, Markas Wilayah Laut 3 dan Bahagian Pentadbiran dan Urus Setia Program atas segala jasa bakti dalam menjayakan penganjuran program tersebut. Beliau turut mengucapkan **syabas dan tahniah** kepada semua ahli BAKAT Laut JLAKS yang sanggup menyahut cabaran menyertai program ini. **BERSAMA BERBAKTI**

**BAKAT Laut
Tentera Laut Diraja Malaysia. S**





“Never put any boundaries
in your dreams”

Lt Ir. Nur Shamimi binti Shahirol TLDM
Pegawai Jurutera Profesional Wanita TLDM

Diiktiraf Sebagai Jurutera Profesional Wanita Pertama TLDM

Oleh Bahagian Komunikasi Strategik Markas Wilayah Laut 2

Lt Ir. Nur Shamimi binti Shahirol TLDM melakar sejarah tersendiri apabila diiktiraf sebagai Jurutera Profesional yang memberi gelaran Ingenieur (Ir.) oleh *Board of Engineers* Malaysia menjadikan beliau sebagai Pegawai Jurutera Profesional Wanita TLDM yang pertama dalam sejarah sejak penubuhan TLDM.

Anak jati Negeri Selangor berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan ditauliahkan sebagai Leftenan Muda TLDM melalui pengambilan Pegawai Kadet Graduan Ke-25 pada 15 Disember 2017. Berbekalkan pegangan “*Strive until you thrive: Working towards your own satisfaction*”, setiap langkah yang diambil oleh beliau adalah perjalanan yang dituju ke arah kejayaan dan setiap usaha hendaklah membawa kepada kepuasan yang jitu.

Karier bermula apabila diperjawatkan sebagai Timbalan Pegawai Jurutera Marin KD PERAK pada tahun 2019. Beliau kemudiannya diberi tanggungjawab dalam memikul amanah dan diperjawatkan sebagai Pegawai Projek 1 Unit Pengawasan Senggara TLDM Timur yang bertindak sebagai Ketua Pengawas Pembaikan bagi kapal-kapal yang berpangkalan di Sabah dan Stesen Luar Pantai. Kini, beliau diperjawatkan sebagai Pegawai Staf Teknikal Bahagian Kesiagaan dan Prestasi di Markas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2) yang berperanan dalam mengawal selia kesiagaan serta prestasi kapal-kapal dan pangkalan di Malaysia Timur.

Lt Ir. Shamimi bercita-cita untuk menyumbang kepada inovasi dan pembangunan teknologi baru dalam perkhidmatan tentera laut secara khasnya kepada aset TLDM di samping membina hubungan kerjasama yang kukuh dengan pasukan marin lain dan pakar industri untuk mencapai objektif tentera laut secara menyeluruh. Selain itu, beliau ingin menyumbang kepada pembangunan teknologi baru dalam bidang kejuruteraan marin dan cuba mencari penyelesaian yang lebih baik dan canggih untuk meningkatkan kesiagaan aset TLDM. Perkara ini didorong oleh prinsip peribadi beliau iaitu untuk sentiasa mencari ruang bagi menimba ilmu tanpa had.

Beliau turut ditanya berkenaan peluang kerjaya yang diberikan kepada wanita dalam TLDM dan berpendapat bahawa peluang yang diberikan oleh perkhidmatan sudah mencukupi untuk setiap orang namun semuanya berbalik kepada sejauh mana seseorang itu sanggup berkorban demi perkhidmatan.

Seorang yang giat bersukan, beliau aktif dalam sukan menembak, hoki, futsal dan mendaki. Pegawai banyak mengisi masa lapangnya dengan eksplorasi dunia imaginatif di atas kanvas melalui lukisan abstrak yang diyakini kaedah berkesan untuk menenangkan fikiran. 

Lt Ir. Shamimi bersama
rakan seperjuangan
di KD PERAK



Menembak
merupakan
antara aktiviti
yang diminati

Salam Takziah

**KEPADA SELURUH AHLI
KELUARGA DAN WARGA TENTERA
LAUT DIRAJA MALAYSIA DI ATAS
KEHILANGAN WIRA-WIRAWATI
NEGARA**

**KAMI TURUT BERDUKA DI ATAS
TRAGEDI M503-3 DAN M502-6
PADA 23HB APRIL 2024**

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS
SERTA IRINGAN DOA




BUDI AXIS SDN BHD (836389-H)

SUITE B1-16 & B1-17, MEGAN AMBASSY, 225 JALAN AMPANG, 50450 KUALA LUMPUR
T 03-2171 2525, 03-2171 2727 F 03-2166 1717 E enquiry@budiaxis.com

YOUR RELIABLE STRATEGIC ALLIANCE

"SENTIASA BERSAMA KETIKA TENANG & SEMASA DIUJI"



Your Thinking Company.
www.scs.my

**HOME GROWN SOLUTION
TOWARDS NATIONAL SOVEREIGNTY**

Head Office:

System Consultancy Services Sdn Bhd (219906-U)

No. 36, Jalan Wangsa Delima 6, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC) 53300 Kuala Lumpur

Tel: +603 4149 1919

Email: contact@scs.my